INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) | THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY

LAPORAN TAHUNAN | ANNUAL REPORT 2021

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

*The Malaysian Institute of Integrity*



# LAPORAN TAHUNAN | ANNUAL REPORT

# 2021

# Kandungan

**PERUTUSAN PENGERUSI** 02

**LAPORAN DAN PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF** 03

**SOROTAN PENCAPAIAN** 08

**PROFIL KORPORAT** 10

**PENYATAAN MENGENAI TADBIR URUS** 14

**SEKSYEN AUDIT DALAM** 24

**SEKSYEN RISIKO DAN PEMATUHAN** 25

**LAPORAN BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT** 26

- Seksyen Pengurusan Sumber Manusia 27
- Seksyen Pentadbiran 28
- Seksyen Teknologi Maklumat 29
- Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan Ilmu 35

**LAPORAN BAHAGIAN OPERASI** 42

- Seksyen Sistem Pengurusan 43
- Seksyen Penilaian Integriti 50
- Seksyen Latihan 54
- Seksyen Pemasaran dan Komunikasi Korporat 61
- Temu Bual dan Wawancara 64

**KERATAN AKHBAR** 66

**PROGRAM & AKTIVITI DI PERINGKAT IIM** 74

- Forum Sempena Hari Wanita 75
- Forum Isu dan Cabaran Audit Dalam 76
- Konvensyen Integriti Nasional 2021 77
- Program Khas : AIGA 78
- IIM Ketua Peneraju Inisiatif 6.2.4, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 79

**LAPORAN PENGARAH & PENYATA KEWANGAN DIAUDIT** 80



# PERUTUSAN PENGERUSI

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**



**Sebagai institusi peneraju pembudayaan integriti negara, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah dipertanggungjawabkan untuk menyebarluas dan memantapkan keutuhan integriti sejagat.**

Saya amat bersyukur, walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran pada tahun 2021 termasuk pandemik COVID-19, IIM telah dapat meneruskan usaha pembudayaan nilai integriti negara dengan menggunakan pelbagai medium komunikasi. IIM juga telah berjaya mencapai prestasi yang membanggakan terutamanya dalam aspek capaian pelanggan baharu dan peningkatan jualan berbanding tahun terdahulu.

Salah satu inisiatif signifikan IIM pada tahun 2021 adalah program Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) dengan kerjasama Yayasan Pahang dan sokongan Kerajaan Negeri Pahang. AIGA menjadi landasan terbaik untuk mengukur tahap pembudayaan integriti dan tadbir urus dalam organisasi di sektor awam mahupun swasta.

Selain itu, IIM juga telah diberikan mandat sebagai Ketua Peneraju bagi sebahagian inisiatif di bawah Semakan Semula Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Melalui inisiatif ini, IIM telah menyelaras aktiviti promosi, pembangunan dan penyediaan latihan Tatacara Mencukupi selaras dengan Seksyen 17A(5) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 mulai bulan Jun 2021, bersama-sama dengan rakan-rakan peneraju seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Bursa Malaysia (Bursa), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), SME Corp. Malaysia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), *Transparency International Malaysia* (TI-Malaysia), Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG) dan *Institute of Corporate Directors Malaysia* (ICDM).

Saya yakin dan percaya, dengan komitmen yang diberikan oleh IIM serta kerjasama daripada pihak-pihak berkepentingan, kita akan dapat menjayakan agenda integriti nasional. Ini sejajar dengan aspirasi negara di bawah NACP agar "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah."

Marilah kita bersama-sama mendoakan agar negara kita terus maju ke hadapan dalam apa jua cabaran yang ditempuhi dan perancangan yang bakal dilaksanakan dengan penuh keazaman dan berintegriti.



**TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI ALI**
Pengerusi
Institut Integriti Malaysia

# LAPORAN DAN PERUTUSAN
## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,**



**TAHUN 2021 sekali lagi membawa kita cabaran yang sama seperti yang dihadapi pada tahun 2020 dengan COVID-19 yang masih lagi menjadi isu kritikal yang menggugat nyawa serta merencatkan usaha pemulihan ekonomi negara. Walaupun Malaysia pada mulanya merasakan negara bakal pulih pada awal tahun 2021, namun harapan itu terbantut seketika ekoran kemunculan varian baharu COVID-19 seperti varian Delta, Lambda dan yang terkini Omicron.**

Dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19, IIM masih meneruskan aktiviti dan perkhidmatan yang ditawarkan dengan mengubah cara bekerja agar selaras dengan norma baharu. Alhamdullilah, dengan kekuatan dan semangat yang jitu, IIM telah mengharungi cabaran pandemik ini dan telah menghasilkan kejayaan yang memberangsangkan untuk tahun 2021.

Pada tahun 2021, IIM telah bergerak dengan hala tuju untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Integriti (*'Centre of Excellence for Integrity'*) bagi nilai integriti di mana sambil menyahut mandat daripada kerajaan untuk ke arah pembiayaan kendiri, IIM juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memainkan peranan sebagai peneraju utama agenda integriti dan governans negara. Kami di Institut Integriti Malaysia percaya bahawa nama institut ini datangnya dengan satu tanggungjawab yang perlu dipikul bagi memperkasakan penghayatan nilai integriti nasional.

Sasaran pendapatan yang telah ditetapkan oleh IIM pada tahun 2021 adalah sebanyak RM2.5 juta di mana sasaran ini telah mengambil kira prospek pemulihan negara susulan penambahbaikan dalam kawalan penularan wabak COVID-19. Malangnya, pada 13 Januari 2021, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 telah dimulakan sehingga 4hb Mac 2021. Seterusnya dengan kemunculan varian baharu COVID-19 iaitu varian Delta, keadaan semakin bertambah merisaukan dan Kerajaan telah mengumumkan PKP 3.0 pada bulan Jun 2021.

Pengumuman PKP ini amatlah merisaukan bagi operasi IIM yang banyak bergantung pada konsultansi dan latihan yang banyak melibatkan perhubungan secara fizikal. Namun, IIM tetap tegas melangkah ke arah pemikiran strategik bagi mengenalpasti kaedah-kaedah bersesuaian untuk meneruskan usaha pencapaian sasaran IIM seperti mengadakan konsultasi dan latihan secara atas talian yang interaktif. Budaya kerja IIM juga telah melalui pelbagai perubahan untuk memastikan keselarasan dengan norma baharu yang telah memberi banyak peluang untuk warga IIM menguasai pelbagai kemahiran teknologi baharu.

Walaupun terdapat banyak cabaran dalam tahun 2021, IIM tetap bergerak dengan agresif dalam usaha membendung gejala rasuah serta mendidik sektor awam dan swasta dalam pembangunan sistem dalaman organisasi bagi menghalang perlakuan rasuah. Dengan niat yang ikhlas dan semangat warga kerja IIM, alhamdullilah, pada Disember 2021, IIM telah berjaya mencapai pendapatan sebanyak RM2.2 juta. Walaupun pendapatan ini tidak mencapai sasaran asal, akan tetapi dengan cabaran yang dihadapi secara mengejut akibat kemunculan varian Delta COVID-19, pencapaian sebanyak RM2.2 juta ini adalah amat memberangsangkan dan merupakan bukti kejayaan IIM yang amat membanggakan.

Pencapaian ini adalah hasil usaha sama warga kerja IIM yang bersemangat untuk memantapkan penghayatan nilai integriti dan tadbir urus terbaik dalam negara. Kami percaya dengan penghayatan nilai integriti dan pelaksanaan tadbir urus yang terbaik, ia akan dapat mencegah dan menghalang perlakuan rasuah yang sering berlaku akibat kurangnya penghargaan terhadap nilai integriti diri.

Alhamdullilah dengan usaha IIM dalam menyampaikan konsultasi dan latihan berkenaan pembangunan sistem dalaman bagi mencegah gejala rasuah, IIM telah dilantik sebagai Agensi

Ketua Peneraju melalui semakan semula separuh penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP). IIM telah dijadikan Agensi Ketua Peneraju bagi inisiatif 6.2.4 di mana IIM diminta untuk mempromosi, membangun dan menyediakan latihan bagi pelaksanaan Tatacara Mencukupi selaras dengan Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) oleh organisasi komersial.

**STRATEGI 1**

**Merasionalisasikan aliran tunai supaya IIM dapat beroperasi dengan pembiayaan sendiri.**

**STRATEGI 2**

**Membangunkan produk dan perkhidmatan yang menepati dengan kehendak semasa.**

**STRATEGI 3**

**Membangunkan kapasiti dan kompetensi sumber manusia.**

**STRATEGI 4**

**Membina rangkaian dengan rakan strategik.**

**STRATEGI 5**

**Memperkukuhkan struktur organisasi untuk menyokong visi dan misi IIM.**

**STRATEGI 6**

**Mengukuhkan sistem dan prosedur dalaman.**

Sebagai kesinambungan kepada Strategi 3, pada 9hb April 2021, IIM telah menetapkan Pelan Strategik IIM 2022-2023 yang mana tahun berakhirnya pelan ini adalah selari dengan berakhirnya Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023.

## STRATEGI 1

### Merasionalisasikan aliran tunai supaya IIM dapat beroperasi dengan pembiayaan sendiri.

IIM telah mencapai pendapatan sebanyak RM2.2 juta yang merupakan 88% daripada sasaran yang telah ditetapkan iaitu RM2.5 juta. Pada suku tahun pertama, IIM hanya mencapai sebanyak 88% daripada sasaran pendapatan yang ditetapkan. Pendapatan IIM telah meningkat dengan konsisten setelah masuknya suku kedua dan ketiga di mana pada akhir suku ketiga, pendapatan IIM telah mengalami peningkatan sehingga 45.12% daripada sasaran pendapatan yang asal. Peningkatan tersebut tidak berhenti di situ di mana pada suku terakhir tahun 2021, warga kerja IIM telah menghasilkan rekod yang amat signifikan di mana IIM telah mencapai 88% daripada sasaran pendapatan tahun 2021. Pencapaian ini adalah indikator yang dapat membuktikan bahawa IIM telah berjaya mengadaptasi operasinya dengan kaedah-kaedah penyampaian perkhidmatan yang selaras dan praktikal dengan norma baharu.

**Sasaran VS Jualan FY2019 – 2021**




| | 2019 | 2020 | 2021 |
|---|---|---|---|
| Sasaran | 1 | 1.6 | 2.5 |
| Jualan | 1.3 | 1.1 | 2.2 |

## STRATEGI 2

**Membangunkan produk dan perkhidmatan yang menepati dengan kehendak semasa.**

Pada awal tahun 2021, kebanyakan perkhidmatan IIM terpaksa dilaksanakan secara atas talian oleh kerana Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Maka, bagi memastikan operasi IIM masih boleh terus ditawarkan, beberapa kaedah seperti latihan dan konsultasi secara atas talian telah dilaksanakan untuk menggantikan sesi yang sepatutnya berlaku secara fizikal.

Kaedah baharu ini pada mulanya agak sukar untuk diterima pelbagai pihak. Namun, dengan keperluan untuk berubah dengan pengedaran masa, IIM telah berjaya membantu sebanyak 126 organisasi dan 4,534 individu daripada sektor awam dan swasta dalam usaha pembangunan dan pemantapan tadbir urus, pembudayaan integriti dan pembangunan sistem antirasuah.

IIM juga telah memperkenalkan sebanyak tujuh produk baharu sepanjang tahun 2021 bagi meluaskan kesesuaian produk kepada organisasi yang berbeza cara pengurusannya. IIM memahami bahawa terdapat keperluan untuk mewujudkan sistem kawalan dalaman yang praktikal untuk pelbagai jenis organisasi di Malaysia, maka beberapa transformasi dan penambahbaikan telah dibuat ke atas produk sedia ada untuk menghasilkan produk baharu.

## STRATEGI 3

**Membangunkan kapasiti dan kompetensi sumber manusia.**

Pada tahun 2021, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memastikan pembangunan sumber manusia bagi warga kerja IIM. Antaranya adalah latihan dan bengkel dalaman yang dikendalikan sendiri oleh rakan sekerja bagi memastikan pindahan ilmu *(transfer of knowledge)* dalam kalangan warga kerja IIM dan beberapa warga kerja IIM juga telah dihantar untuk menghadiri bengkel luaran bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran

mereka dalam pelaksanaan tugasan masing-masing. Selain daripada itu, berikutan kejayaan tahun 2020, IIM terus melaksanakan dasar pusingan kerja *(job rotation)* bagi mendedahkan warga kerja IIM kepada pelbagai jenis pengalaman dan pengetahuan di luar bidang kerja mereka. Bagi meningkatkan kompetensi warga kerja IIM, latihan semasa bekerja *(on the job training)* juga dilaksanakan untuk memastikan penerimaan ilmu secara praktikal dan berkesan.

## STRATEGI 4

**Membina rangkaian dengan rakan strategik.**

IIM juga telah mengekalkan dan meneruskan kerjasama yang erat dengan pelbagai Kementerian, agensi kerajaan, badan profesional, pusat pengajian tinggi dan pihak swasta dalam menerajui penerapan dan pembudayaan nilai integriti sejagat. Dalam tahun 2021, IIM telah membina rangkaian dengan rakan strategik daripada pelbagai latar belakang yang telah membuahkan cadangan kerjasama daripada bermacam aspek.

Antaranya adalah cadangan kerjasama terhadap pembangunan indikator penyelidikan, pembangunan kursus akademik dan pembangunan kajian berkenaan usaha integriti di Malaysia. IIM amat berterima kasih dan menghargai keterlibatan semua rakan strategik yang telah menyumbang kepada hasil kerjasama yang amat memberangsangkan terhadap pemantapan nilai integriti negara.

IIM juga telah bekerjasama dengan Yayasan Pahang (YP) untuk mengadakan Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2020 di mana anugerah ini adalah anugerah pertama di Malaysia yang memberi pengiktirafan kepada organisasi dengan mengukur sejauh mana usaha-usaha atau inisiatif sebuah organisasi dalam meningkatkan budaya integriti, memastikan tadbir urus terbaik serta mengamalkan sistem pengurusan antirasuah.

## STRATEGI 5

**Memperkukuhkan struktur organisasi untuk menyokong visi dan misi IIM.**

Selaras dengan arahan Ahli Lembaga Pengarah IIM, Seksyen Risiko dan Pematuhan (SRP) telah ditubuhkan pada suku pertama tahun 2021 di mana Seksyen ini akan melaporkan secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Risiko Lembaga Pengarah IIM. Seksyen ini adalah ditubuhkan untuk memantau dan menguruskan daftar risiko IIM serta menjalankan empat fungsi Unit Integriti iaitu pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan, pengukuhan integriti dan pengukuhan governans.

## STRATEGI 6

**Mengukuhkan sistem dan prosedur dalaman.**

Salah satu pencapaian IIM yang signifikan pada tahun 2021 adalah kejayaan IIM dalam memperoleh dua pensijilan daripada badan pensijilan yang diiktiraf antarabangsa iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd. IIM telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001: 2016 (ABMS) dan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 (QMS) pada awal tahun 2021. Sebagai agensi peneraju yang dinamakan dalam NACP, usaha pensijilan ini adalah untuk IIM menonjolkan sifat kepimpinan melalui teladan

yang dapat memberikan contoh yang baik kepada organisasi di luar sana untuk melaksanakan sistem pengurusan yang sistematik.

Pencapaian ini juga adalah antara usaha IIM untuk membina kredibiliti sebagai sebuah agensi yang bukan sahaja menawarkan khidmat konsultasi ABMS dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), akan tetapi sebagai sebuah agensi yang juga melaksanakan sistem pengurusan.

IIM adalah amat komited terhadap mengekalkan pensijilan ABMS dan QMS supaya kredibiliti IIM sebagai penyedia perkhidmatan konsultasi dan latihan sistem kawalan dalaman tidak dipersoalkan. Pelbagai usaha seperti pelaksanaan bengkel penambahbaikan prosedur operasi standard risiko IIM, dan pemantauan terhadap pelan tindakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) telah diadakan pada tahun 2021 bagi memastikan penambahbaikan berterusan.

IIM juga telah mengumumkan pembangunan Saluran Pendedahan Maklumat (*'Whistleblowing Channel'*) pada tahun 2021, bagi menggalakkan mana-mana pihak untuk melaporkan sebarang salah laku warga kerja IIM.

## HARAPAN

Dalam tempoh beberapa tahun mendatang, diharapkan IIM akan terus menjadi peneraju dalam penerapan dan pembudayaan nilai integriti nasional sehingga IIM dapat memegang pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan Integriti (*Centre of Excellence for Integrity*). Saya juga berharap warga kerja IIM tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian ini, tetapi menjadikan pencapaian tahun 2021 sebagai pembakar semangat untuk terus maju. Masih banyak yang perlu dibuat dan perjalanan masih jauh, namun tiada yang mustahil jika semua warga kerja IIM kekal ikhlas dalam menerajui agenda nasional ini dan sama-sama berusaha dalam mencapai aspirasi untuk menjadikan Malaysia dikenali bukan kerana rasuah tetapi kerana integriti.

Sejajar dengan perubahan dan tuntutan semasa, peranan IIM akan terus diperkasakan untuk mencapai agenda nasional dalam meningkatkan pembudayaan dan penerapan nilai integriti serta membangunkan kapasiti dan kompetensi sektor awam dan swasta dalam aspek governans, integriti dan antirasuah. IIM akan terus fokus dan komited dalam memastikan institusi ini bukan hanya menjadi Pusat Kecemerlangan Integriti (*Centre of Excellence for Integrity*) kepada negara tetapi sebagai pencetus kepada pemerkasaan nilai governans, integriti dan antirasuah yang tinggi serta kekal relevan.

## PENGHARGAAN

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pengerusi IIM, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali yang juga merangkap Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan juga kepada seluruh barisan Lembaga Pengarah IIM kini dan yang telah bersara, pihak Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) serta ahli-ahli IIM atas tunjuk ajar dan panduan yang diberikan sepanjang tempoh khidmat mereka. Saya yakin bahawa melalui usaha kolektif Lembaga Pengarah IIM yang diterajui oleh Pengerusi YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, pengurusan dan kakitangan, seluruh warga IIM akan dapat mengharungi cabaran persekitaran semasa dan terus berusaha untuk menjayakan mandat yang diberikan.

Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada seluruh warga IIM. Semoga usaha-usaha murni yang dilaksanakan selama ini dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia dan dirahmati Allah SWT.

**"Integriti, Kerja Berpasukan, Profesional"**



**Nor'afiza Saim**
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Integriti Malaysia

# SOROTAN **PENCAPAIAN 2021**

## JANUARI

- IIM menerima pensijilan MS ISO 9001:2015 dan MS ISO 37001;2018 daripada SIRIM Berhad dan The International Certification Network IQNet.
- Pembangunan Saluran Pendedahan Maklumat *(Whistleblowing Channel)*.
- Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Modul Pendidikan dan Latihan Sistem Korporat Integriti Malaysia (CISM).




## FEBRUARI

- Mesyuarat Keputusan dan Penilaian Tangga Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah 2020/2021.
- Bengkel Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard Risiko IIM.

## MAC

- Ulang Tahun Penubuhan IIM ke-17.
- Forum sempena Hari Wanita Sedunia IIM dan Ulang tahun Penubuhan IIM ke-17.



## APRIL

- Forum Isu dan Cabaran Audit Dalam.
- Anugerah Pekerja Cemerlang 2021 kepada warga IIM.
- Bengkel Pemurniaan Kajian Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) IIM.
- Bengkel Pelan Perniagaan IIM 2021.
- Sesi Penyerahan Sijil Ms ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) dan MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti QMS oleh SIRIM Berhad.

## MEI

- Pembukaan Perpustakaan IIM yang berwajah Baharu.






## JUN

- IIM dilantik sebagai Ketua Agensi Peneraju Inisiatif Baharu berikutan semakan semula Pelan Antirasuah Nasional (NACP).

## JULAI

- Penawaran Produk-produk baharu IIM – Kursus Asas Penilaian Risiko, Semakan Mekanisma Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Taklimat Pembangunan dan Penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).
- *"Talk on Corporate Governance"* untuk Kursus Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Siri 4/2021 oleh Ketua Pegawai Eksekutif IIM.




## OGOS

- Mesyuarat Penyelarasan Bersama Agensi Peneraju bagi Inisiatif 6.4.2 Pelan Antirasuah Nasional (NACP).

## SEPTEMBER

- Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Pertubuhan Naratif Malaysia (Naratif).
- Mesyuarat Agung IIM ke-17.



## OKTOBER

- Forum "Integriti dan Tadbir Urus di kala Transisi Demokratik dan Pandemik Global : Ke mana Hala Tuju Malaysia? (kerjasama dengan NARATIF).
- Wawancara Penyelidikan oeh Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF) bertajuk "Status dan Hala tuju Institut Integriti Malaysia (IIM) dalam melaksanakan Agenda Integriti.
- Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah Tahun 2020 Peringkat Negeri Pahang (AIGA 2020).



## NOVEMBER

- Konvensyen Integriti Nasional 2021 sempena Sambutan Hari Integriti Nasional
- Ketua Pegawai Eksekutif dalam Webinar CEO *Talk Series "Efforts to Strengthen Integrity and Governance in Organisation"* anjuran Universiti Utara Malaysia.



## DISEMBER

- Program Bantuan Mangsa Banjir (Kerjasama IIM dan KESKIM).
- Mencapai pendapatan RM 2 juta.

# PROFIL KORPORAT




Institut Integriti Malaysia (IIM) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 4 Mac 2004 sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi tujuan mengkoordinasi, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN). Seiring dengan hala tuju baharu negara, bermula Januari 2019, IIM diamanahkan sebagai badan operasi untuk membangunkan kapasiti dan kompetensi sektor awam dan swasta menerusi penawaran instrumen, produk dan menyediakan perkhidmatan latihan yang mencakupi aspek governans, integriti dan antirasuah.

Fungsi IIM juga selari dengan visi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang mana sasarannya adalah untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas rasuah melalui tiga matlamat khusus iaitu Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyampaian Perkhidmatan Awam yang Cekap dan Responsif, dan Integriti dalam Perniagaan.

IIM telah membangunkan pelbagai produk, instrumen dan program latihan bagi membantu sektor awam, swasta dan pihak berkepentingan dalam meningkatkan tahap integriti serta menyediakan penyelesaian antirasuah dan tadbir urus di seluruh negara.



# VISI

Untuk menjadi institusi utama dalam membangunkan budaya integriti

# MISI

- Meningkatkan kapasiti dan kompetensi sektor awam, GLC dan korporat berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah.
- Menyediakan penyelesaian kepada masalah tadbir urus, integriti dan antirasuah di Malaysia.

# "NILAI TERAS"

**Integriti**

**Kerja Berpasukan**

**Profesional**

# TADBIR URUS

PENYATAAN MENGENAI TADBIR URUS 15
JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH 16
AHLI LEMBAGA PENGARAH 19
KUMPULAN PENGURUSAN 20
SENARAI AHLI IIM 22

Lembaga Pengarah IIM memberi perhatian dan komitmen yang tinggi dalam memastikan tadbir urus korporat adalah berdasarkan piawaian tertinggi di IIM. Justeru, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

## KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH IIM

IIM diketuai oleh Lembaga Pengarah yang memimpin dan mengawal perjalanan organisasi. Lembaga Pengarah merupakan golongan profesional yang berpengalaman luas, berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang sama ada dalam perkhidmatan awam, perniagaan, kewangan mahupun perundangan.

## LEMBAGA PENGARAH

### Tugas Dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah IIM

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus IIM dan merupakan badan utama yang merangka, seterusnya menentukan dasar dan hala tuju IIM untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya.

Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab sepenuhnya dalam meluluskan polisi-polisi utama dan memastikan urusan atau aktiviti IIM adalah selaras dengan matlamat penubuhan IIM. Lembaga Pengarah bertanggungjawab menilai dan memantau pencapaian hala tuju strategik IIM.

Lembaga Pengarah juga turut terlibat dalam program-program anjuran IIM dan mengadakan perbincangan secara ad-hoc apabila diperlukan bagi memberikan pandangan, nasihat dan buah fikiran.

### Imbuhan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menerima elaun bulanan dan elaun mesyuarat seperti mana yang termaktub di dalam Memorandum IIM.

### Proses Membuat Keputusan

Lembaga Pengarah akan diberi tempoh mencukupi bagi menelaah kertas cadangan sebelum membuat keputusan yang wajar dan bertepatan.

### Integriti

Sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisytiharkan dan mengecualikan diri daripada pertimbangan dan pengundian yang melibatkan kepentingan mereka.

### Komposisi Lembaga Pengarah, Persaraan dan Pelantikan Semula

Komposisi Lembaga Pengarah IIM adalah terdiri daripada sembilan (9) orang ahli. Pengerusi adalah lantikan YAB Perdana Menteri. Lima (5) ahli lembaga pengarah adalah lantikan Lembaga Pengarah. Manakala, tiga (3) ahli adalah lantikan melalui Mesyuarat Agung Tahunan.

### Mesyuarat Lembaga Pengarah

Selain Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah IIM juga telah mengadakan empat (4) mesyuarat fizikal dan lima (5) mesyuarat secara edaran sepanjang tahun 2021 bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan integriti termasuk perancangan program dan aktiviti IIM. Di samping itu, perbincangan turut menyentuh

polisi dan dasar, hal ehwal operasi dan pentadbiran organisasi. Semua input perbincangan dan keputusan mesyuarat telah dicatatkan dan diminitkan.

**Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Berikut merupakan tarikh dan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2021:

i. Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 1/2021 (29 Mac 2021)
ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 2/2021 (2 Ogos 2021)
iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 3/2021 (20 September 2021)
iv. Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM Bil. 4/2021 (13 Disember 2021)

Berikut merupakan kehadiran Lembaga Pengarah:

| Lembaga Pengarah | Jumlah Kehadiran | Peratusan Kehadiran |
|---|---|---|
| Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali | 4/4 | 100% |
| Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali | 4/4 | 100% |
| Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Ibrahim | 4/4 | 100% |
| Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan | 4/4 | 100% |
| Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria | 4/4 | 100% |
| Dato' Yeow Wah Chin | 4/4 | 100% |
| Sureson a/l Krisnasamy | 4/4 | 100% |
| Datuk Seri Mohd Sallehhuddin Bin Hassan (mulai 21 September 2021) | 1/1 | 100% |
| Dato' Sri Akhbar Bin Abdul Satar @ Sata (mulai 28 Oktober 2021) | 1/1 | 100% |

## JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah IIM telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu dalam pelaksanaan tugas-tugasnya. Setiap jawatankuasa ini menjalankan tugas-tugasnya mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan dan bidang kuasa yang diperturunkan oleh Lembaga Pengarah IIM.

Butiran keahlian Jawatankuasa Lembaga adalah seperti berikut:-

**a) Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran**

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran bertanggungjawab untuk memastikan cadangan calon-calon

baharu ahli lembaga pengarah dan juga ahli IIM akan melalui satu proses tapisan dan pemilihan yang benar-benar layak dan sesuai akan dipilih menjadi Ahli Lembaga Pengarah IIM dan Ahli IIM.

Keahlian:
YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali (Pengerusi)
Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
Dato' Yeow Wah Chin

Berikut merupakan tarikh dan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2021
i. Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Bil. 1 Tahun 2021 – 30 Ogos 2021
ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Bil. 2 Tahun 2021 – 25 November 2021

**b) Jawatankuasa Audit dan Risiko**

Jawatankuasa Audit dan Risiko bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah dalam mengawasi dan mengawal selia integriti penyata kewangan, proses pelaporan kewangan, proses pengauditan serta prestasi fungsi audit dalaman IIM. Di samping itu, ia juga bertanggungjawab menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman serta pengurusan risiko IIM.

Keahlian:
Tan Sri Dr. Ismail Haji Ibrahim (Pengerusi)
Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan
Encik Sureson a/l Krisnasamy

Berikut merupakan tarikh dan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2021
i. Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Risiko Bil. 1 Tahun 2021 – 4 Mei 2021
ii. Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Risiko Bil. 2 Tahun 2021 – 28 Julai 2021
iii. Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Risiko Bil. 3 Tahun 2021 – 14 Disember 2021

**c) Lembaga Tatatertib**

Lembaga Tatatertib bertanggungjawab perkara-perkara yang berhubungan tindakan tatatertib dengan/bukan tujuan buang kerja atau turun pangkat terhadap kelakuan pegawai IIM.

Keahlian:
Dato' Yeow Wah Chin (Pengerusi)
Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria

Berikut merupakan tarikh dan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2021
i. Mesyuarat Lembaga Tatatertib Bil. 1 Tahun 2021 – 12 Januari 2021
ii. Mesyuarat Lembaga Tatatertib Bil. 2 Tahun 2021 – 10 Mac 2021
iii. Mesyuarat Lembaga Tatatertib Bil. 3 Tahun 2021 – 16 April 2021

**d) Lembaga Rayuan Tatatertib**

Lembaga Rayuan Tatatertib bertanggungjawab untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut peruntukan Peraturan-peraturan berkenaan dengan apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib seseorang pegawai berhubungan tindakan tatatertib dengan/bukan tujuan buang kerja atau turun pangkat terhadap kelakuan semua pegawai.

Keahlian:
Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali (Pengerusi)
Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali
Encik Sureson a/l Krisnasamy

**e) Lembaga Kenaikan Pangkat**

Lembaga Kenaikan Pangkat bertanggungjawab dengan pemangkuan dan kenaikan pangkat semua kategori pegawai.

Keahlian:
Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria (Pengerusi)
Encik Sureson a/l Krisnasamy
Ketua Pegawai Eksekutif

**f) Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat**

Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat bertanggungjawab dengan apa-apa rayuan berhubungan dengan pemangkuan dan kenaikan pangkat semua kategori pegawai.

Keahlian:
Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali (Pengerusi)
Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali
Dato' Yeow Wah Chin

**g) Lembaga Perolehan IIM**

Lembaga Perolehan IIM bertanggungjawab meluluskan perolehan barangan/perkhidmatan/kontrak bernilai RM500,000 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu) dan ke atas.

Keahlian:
Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakari (Pengerusi)
Dato' Yeow Wah Chin
Encik Sureson a/l Krisnasamy

# AHLI **LEMBAGA PENGARAH**



**TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI ALI**
Pengerusi



**TAN SRI DR. ISMAIL HAJI IBRAHIM**
Pengarah



**TAN SRI DATUK DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI**
Pengarah



**DATUK SERI MOHD SALLEHHUDDIN HASSAN**
Pengarah



**DATUK WAN SAIFULRUDDIN WAN JAN**
Pengarah



**DATO' SRI AKHBAR ABDUL SATA @ SATAR**
Pengarah



**DATO' SOLLEHUDDIN ALYUBI ZAKARIA**
Pengarah



**DATO' YEOW WAH CHIN**
Pengarah



**ENCIK SURESON KRISNASAMY**
Pengarah



**PUAN NORLIANA ALI AKBAR**
Setiausaha Syarikat

# KUMPULAN **PENGURUSAN**

## PENGURUSAN **TERTINGGI**



**PUAN NOR'AFIZA SAIM**
Ketua Pegawai Eksekutif



**TUAN HAJI HAMILYE SHAM HARUN**
Pengurus Besar Kanan
Bahagian Operasi



## BAHAGIAN OPERASI



**ENCIK MOHD RAIS RAMLI**
Ketua Seksyen
Penilaian Integriti



**PUAN FARAH IDAYU JAAFAR**
Ketua Seksyen
Sistem Pengurusan



**ENCIK ZAFEEQ ZULKAFLY**
Ketua Seksyen
Pemasaran dan Komunikasi Korporat



**ENCIK FISON HAMDI AHMAD**
Ketua Seksyen
Latihan

## BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT



**PUAN NORLIANA ALI AKBAR**
Ketua Seksyen
Kewangan dan Akaun



**ENCIK MEOR SHAHRAM FAIZ MIEOR SHARIMAN**
Ketua Seksyen
Teknologi Maklumat



**PUAN JUDLIFAH MOHD JAMIL**
Ketua Seksyen
Pengurusan Sumber Manusia



**PUAN ZARINA MOHAMAD AMIN**
Ketua Seksyen
Penyelidikan dan Pembangunan Ilmu



**PUAN ALIDA MAHMOD**
Ketua Seksyen
Pentadbiran

## PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**PUAN NORASHIKIN BAHARUDIN**
Ketua Seksyen
Risiko dan Pematuhan



**PUAN NOR AZNI AHMAD HUSAIRI**
Ketua Seksyen
Audit Dalam



**PUAN EZZATI MUZAMMIL**
Pegawai Undang-undang

# **SENARAI AHLI-AHLI**
# INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

## A

- Dato' Haji A. Aziz Deraman
- Tuan Haji Abu Hurairah Ahmad
- Leftenan Komander (B) Dr. Abu Yazid Abu Bakar
- Dato' Ir Ahmad Asri Abdul Hamid
- Encik Ahmad Zakir Abdul Rahman
- Dato' Akhbar Satar
- Dr. Al Azmi Bakar
- **Datin Aminah Pit Abd Rahman** (Meninggal dunia pada 21.3.2022)
- Dato' Anthony Reynolds Peter
- Dr. Azrin Ibrahim

## F

- Datuk Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil

## H

- Komander Hashim Adnan

## J

- Puan Jamilah Hanim Othman
- Puan Josie Mary V M Fernandez

## L

- Tan Sri Lee Lam Thye
- Sister Loh Pai Ling
- Datuk Lok Yim Pheng
- Dato' Dr. Low Bin Tick

## M

- Prof Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid
- Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason
- Sr Haji Md Badrul Hisham Awang
- Encik Meor Ibrahim Othman
- Dr. Michael Chiam Tow Hui (Late)
- Dato' Mohamad Salleh Rafie
- Haji Mohammad Diah Haji Wahari
- Ustaz Dr. Mohammad Nidzam Abdul Kadir
- Dato' Seri Panglima Mohd Annuar Zaini
- Encik Mohd Azkamal Haji Muhaini
- Encik Mohd Salihin Othman
- Prof. Tan Sri Dr. Mohd Shukri Ab Yajid
- Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman
- **Encik Mohsin Mohd Ghazali** (Meninggal dunia pada 16.8.2021)
- Dr. Muhamad Azwan Abd Rahman
- Dato' Haji Mustafa Ali
- Tuan Haji Mustafa Sidi
- Encik Mustaffa Kamil Ayub

## N

- Encik Nik Amlizan Mohamed
- Encik Nik Md Riffin
- Encik Nik Mohamed Yusoff Afendi Jaafar
- Puan Noorjan Mohd Mustapha
- Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur
- Encik Norazman Othman

## P

- Encik P. Kanason Pothinker
- Datuk P. Venugopal V.K. Menon

R

- Encik Rama Sockalingam Nagappan
- Dato' Roseley Omar
- Encik Roslan Hanapiah
- Encik Roslan Pilus
- Prof. Dr. Rosman Md Yusoff
- Dr. Rozaidi Abdul Rahim Razali

S

- Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh
- Dato' Siva Subramaniam Nagaratnam
- Encik Sureson Krisnasamy

T

- Dr. Tan Seng Giaw
- Encik Thai Ming Yeow

U

- Encik Uthaya Sankar Narayanan @ Uthaya Sankar Sb

W

- Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan

Z

- Dr. Zainal Abidin Abdul Majeed
- Encik Zainal Abidin Pit

# SEKSYEN **AUDIT DALAM (SAD)**

Seksyen Audit Dalam (SAD) ditubuhkan pada 10 Mei 2019 sebagai badan bebas yang menjalankan aktiviti pengauditan dan rundingan bagi tujuan penambahbaikan serta mempertingkatkan tahap nilai, kecekapan dan keberkesanan kawalan dalaman serta tadbir urus di IIM. Penubuhannya adalah selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Audit dan Risiko (JKAR) IIM pada 10 Mei 2019.

SAD memberi perkhidmatan kepada JKAR dan melapor terus kepadanya. Selain itu, SAD turut memberi perkhidmatan sokongan kepada pihak Pengurusan IIM. SAD terdiri daripada seorang (1) Ketua Seksyen, dua (2) Pegawai Audit dan seorang (1) Penolong Pegawai Audit.

**Aktiviti/Program Bagi Tahun 2021:**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Pengauditan terhadap Pengurusan Sumber Manusia | 20 Januari 2021 -18 Februari 2021 |
| 2. | Pengauditan terhadap Pengurusan Teknologi Maklumat | 22 Mac 2021 -16 April 2021 |
| 3. | Forum Audit: Forum Isu & Cabaran Audit Dalam (Kerjasama SPSM dan SPKK) | 8 April 2021 |
| 4. | Mesyuarat JKAR Bil. 1/2021 | 4 Mei 2021 |
| 5. | Pengauditan terhadap Pengurusan Kewangan | 31 Mei 2021 -30 Jun 2021 |
| 6. | Mesyuarat JKAR Bil. 2/2021 | 28 Julai 2021 |
| 7. | Pengauditan terhadap Pengurusan Runding Cara | 11 Ogos 2021 -22 September 2021 |
| 8. | Pengauditan terhadap Pengurusan Perolehan dan Inventori | 12 Oktober 2021 -17 Disember 2021 |
| 9. | Pengauditan terhadap Sistem Pengurusan Bersepadu 2021 (Kerjasama dengan SRP) | 10 November -30 November 2021 |
| 10. | Mesyuarat JKAR Bil. 3/2021 | 14 Disember 2021 |

# SEKSYEN **RISIKO DAN PEMATUHAN (SRP)**

Seksyen Risiko dan Pematuhan (SRP) ditubuhkan pada bulan April 2021. Penubuhan Seksyen ini selaras dengan arahan Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM) agar Unit Integriti ditubuhkan di IIM. Seksyen ini melaksanakan empat (4) fungsi Unit Integriti yang merangkumi pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan, pengukuhan integriti dan pengukuhan governans. Selain daripada itu Seksyen ini juga bertanggungjawab untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) yang merangkumi MS ISO 9001: 2015 dan MS ISO 37001: 2016 yang telah dipensijilkan pada 10 Januari 2021 yang lalu.

## Aktiviti/Program Bagi Tahun 2021:

**PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001: 2015 DAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH MS ISO 37001 (ABMS).**

IIM telah berjaya memperoleh dua (2) pensijilan daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 dan Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001 (ABMS) pada 10 Januari 2021. Kedua-dua sistem pengurusan ini telah diintegrasikan dan dikenali sebagai Sistem Pengurusan Bersepadu IIM. Pensijilan ini adalah bagi tempoh tiga (3) tahun sehingga 9 Januari 2024.

Pelaksanaan kedua-dua sistem ini adalah selaras dengan halatuju baharu IIM yang berperanan untuk meningkatkan kapasiti dan kompetensi sektor awam, GLC dan korporat berkaitan governans, integriti dan antirasuah. Ini dapat meningkatkan kredibiliti IIM sebagai sebuah agensi peneraju yang menawarkan khidmat konsultasi ABMS dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) kepada pihak luar. Malah produk dan perkhidmatan IIM boleh ditawarkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Selain daripada meningkatkan kredibiliti, pensijilan kedua-dua sistem pengurusan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan melalui aplikasi sistem yang berkesan termasuk proses penambahbaikan sistem dan jaminan pematuhan kepada keperluan pelanggan serta keperluan perundangan yang berkenaan. Ia juga menunjukkan keupayaan IIM untuk menyediakan produk dan perkhidmatan secara sistematik dan konsisten yang memenuhi kehendak pihak yang berkepentingan. Selain itu, pensijilan ini dapat membantu IIM dalam mengesan dan mencegah aktiviti rasuah di peringkat organisasi serta menambah baik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan.

Keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Bersepadu ini telah dibentang dan dilaporkan di dalam Meyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) IIM pada 10 Disember 2021 yang lalu. Manakala MKSP di peringkat Lembaga Pengarah IIM pula telah diadakan pada 13 Disember 2021.

Aktiviti pengauditan *surveillance* oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah diadakan pada 6 hingga 7 Januari 2022. Tiada laporan ketakakuran (pematuhan dan ketidakpatuhan) (NCR) telah dikeluarkan oleh pihak Juruaudit dan IIM telah disyorkan untuk penerusan pensijilan kedua-dua sistem pengurusan tanpa perubahan.



# LAPORAN BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT


SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA 27

SEKSYEN PENTADBIRAN 28

SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT 29

SEKSYEN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ILMU 35




# BAHAGIAN **KHIDMAT KORPORAT**

Bahagian Khidmat Korporat terdiri daripada lima (5) seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Seksyen Pentadbiran, Seksyen Teknologi Maklumat, Seksyen Penyelidikan & Pembangunan Ilmu dan Seksyen Kewangan dan Akaun.

Seksyen-seksyen tersebut bertanggungjawab menyokong dan mendokong semua aktiviti perniagaan seksyen-seksyen di bawah Bahagian Operasi IIM. Seksyen-seksyen ini juga memainkan peranan penting dalam organisasi agar aktiviti perniagaan dapat berjalan dengan lancar mengikut perancangan.

## SEKSYEN PENGURUSAN **SUMBER MANUSIA (SPSM)**

Prestasi yang cemerlang ke arah menjadi sebuah institusi utama dalam membangunkan budaya integriti memerlukan sumber manusia yang berkompetensi tinggi, berkebolehan dan berkeupayaan dalam menyediakan penyelesaian kepada isu berkaitan governans, integriti dan antirasuah di Malaysia.

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (SPSM) merupakan tonggak utama dalam menguruskan modal insan bagi memastikan prestasi yang cemerlang dalam kalangan warga kerja IIM. SPSM bukan sahaja bertanggungjawab membangunkan kompetensi, tetapi perlu merancang dan menguruskan hal-hal berkaitan struktur syarikat, pengambilan pekerja, kebajikan dan lain-lain.

### Aktiviti/Program Bagi Tahun 2021:

1. **Penambahbaikan Terma dan Syarat Perkhidmatan Pegawai IIM** telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 29 Mac 2021 dan dikuatkuasakan pada 1 April 2021.

2. **Pembangunan Sistem Penilaian Prestasi Tahunan** Individu berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah dibangunkan dan diluluskan bagi menggantikan sistem penilaian yang lama berkuatkuasa mulai tahun penilaian 2021.

3. **Penilaian Kapasiti Keperluan Perjawatan Semasa** telah dilakukan dengan menyediakan Pelan Perancangan Sumber Manusia (HRP) mengikut keperluan hala tuju semasa IIM telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 29 Mac 2021.

4. **Pembangunan Profil Kompetensi Pegawai** bagi 66 pegawai bagi tahun 2021 telah dibangunkan bagi menganalisa jurang kompetensi pada skop tugasan masing-masing.

5. **Penilaian Fungsi Jawatan *(Job Evaluation)*** bagi setiap pegawai telah dilakukan untuk menilai secara relatif kompleksiti kerja dan beban kerja dengan gaji serta gred yang diterima agar sejajar dengan keperluan semasa IIM.

6. **Penilaian Jurang Kompetensi *(Competency Gap)*** dilakukan dengan menyediakan satu Pelan Latihan 2021. Sebanyak 86 program latihan telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2021 berdasarkan pelan tersebut.

7. **Pembangunan Program Latihan Komprehensif**

Sebanyak 86 program latihan telah dijalankan:

- **52** program latihan dalaman
- **34** program latihan luaran

Daripada jumlah tersebut, program latihan tersebut dilaksanakan mengikut kategori berikut:

- **7** program latihan pembangunan
- **24** program latihan fungsional
- **10** program latihan generik
- **11** program latihan mandotori
- **34** program latihan teknikal

8. **Penjajaran Struktur Organisasi dan Pemadanan Jawatan** bagi setiap pegawai dilakukan bagi memastikan prinsip *'the right people at the right place on the right time'* berdasarkan laporan penilaian fungsi jawatan *(job evaluation)* yang dibuat.

# SEKSYEN **PENTADBIRAN (SP)**

Seksyen Pentadbiran (SP) merupakan satu cabang penting dalam memastikan segala pengurusan dan perkhidmatan berjalan dengan lancar dan berkesan. Kemudahan fasiliti, ruang kerja, kemudahan utiliti dan kawalan keselamatan yang disediakan perlu diurus dengan baik bagi menyokong keperluan asas operasi demi menjamin keselesaan warga kerja dan pengunjung IIM.

## Penambahbaikan dan Menaik Taraf Kemudahan Sedia Ada Pada tahun 2021

SP telah menjalankan beberapa aktiviti penambahbaikan bagi meningkatkan lagi tahap keselesaan warga kerja IIM. Antara penambahbaikan yang telah dibuat termasuk penggantian kerusi pejabat, naik taraf sistem siar raya bangunan, naik taraf Bilik Mesyuarat Utama (BMU) dan ruangan pejabat Pengurusan Tertinggi IIM.

## Aktiviti/Program Bagi Tahun 2021:

**1) Pelaksanaan Proses Perolehan**

a. April 2021 – Perkhidmatan Perunding Projek Sumber Manusia IIM
b. Mei 2021 – Perkhidmatan Menambahbaik Surau IIM
c. Jun 2021 – Sistem Pengurusan Aset Berpusat IIM
d. Jun 2021 – Perkhidmatan Pelan Perlindungan Insuran Kakitangan IIM
e. Oktober 2021 – Menaiktaraf *Access Point Wifi*

2) **Pelaksanaan Menambahbaik Surau IIM**
Kerja-kerja penambahbaikkan adalah termasuk menukar permaidani di keseluruhan surau, menukar blinds, menggantikan langsir antara surau lelaki dan wanita, mengecat dan menyediakan kabinet bagi menyimpan kelengkapan solat.

3) **Sistem Pengurusan Aset Berpusat IIM**
Bagi memastikan aset dipelihara dan diselenggara dengan baik, SP telah mendapatkan Sistem Pengurusan Aset Berpusat bagi tujuan itu.

4) **Penyewaan Fasiliti**
Bermula Januari sehingga Disember 2021, seramai 2,545 orang pengunjung yang terdiri daripada badan kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta persendirian telah menyewa dan menggunakan fasiliti IIM.

Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ekoran daripada penularan pandemik COVID-19 di Malaysia, sewaan bilik penginapan Puri dan fasiliti IIM sepanjang tahun 2021 telah terjejas dan merekodkan jualan yang sangat rendah.

Menara INTEGRITI juga telah diwartakan sebagai pusat kuarantin (jika diperlukan) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Warta Kerajaan Jilid 64 No. 6 yang telah dikeluarkan pada 21 Mac 2020 membolehkan Menara INTEGRITI digunakan pada bila-bila masa sebagai pusat kuarantin pesakit COVID-19. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2021, Menara INTEGRITI tidak pernah digunakan sebagai pusat kuarantin.

# SEKSYEN **TEKNOLOGI MAKLUMAT (STM)**

Seksyen Teknologi Maklumat (STM) memainkan peranan penting dalam pengurusan dan pemantauan rangkaian, aplikasi, perkakasan, perisian sistem serta perkhidmatan teknikal yang digunakan oleh warga kerja IIM. Pada tahun 2021, STM teruskan pelbagai program pembangunan infrastruktur, sistem dan kandungan dilaksanakan oleh STM bagi memastikan perkhidmatan IIM berkualiti dan berada pada tahap yang terbaik.

## Aktiviti/Program Bagi Tahun 2021:

**Memperkasakan infrastruktur ICT**
IIM meneruskan usaha menaiktaraf infrastruktur IIM dengan membekalkan projektor dan layar kepada Seksyen Pentadbiran (SP) dan Seksyen Audit Dalam (SAD). Kelengkapan dua (2) unit kamera video atas talian dalam ruang atau bilik mesyuarat juga dapat menambahbaik perkhidmatan atas talian IIM. STM juga membekalkan 15 pegawai baharu IIM dengan kemudahan *notebook* dan juga menyokong kemudahan para pegawai yang lain bagi memudahkan untuk menghadapi norma baharu bekerja dari rumah seperti aplikasi video atas talian dan cadangan tuntutan elaun *broadband* pegawai pelaksana.

**Memastikan kredibiliti dan Keselamatan ICT terjamin**
IIM juga memastikan kredibiliti sistem ICT berdasarkan tahap keselamatan data dan pangkalan data yang terjamin. Usaha utama yang dilakukan adalah menaikaraf Sistem Keselamatan *Gateway* IIM atau *Firewall* IIM.

STM juga memastikan semua penyelenggaraan atau langganan lesen tahunan dilaksanakan mengikut jadual seperti berikut:

I. Penyelenggaraan peralatan *server* dan *storage*;
II. Menaiktaraf komputer tahun pembelian 2013;
III. Penyelenggaraan kerosakan sistem visual;
IV. Penyelenggaraan pengurusan komputer;
V. Penyelenggaraan pengurusan rangkaian;
VI. Penyelengaraan pengurusan sistem dan *server*
VII. Penyelenggaraan pengurusan keselamatan ICT

**Pelaksanaan Sistem Komunikasi Bersepadu Kerajaan dari MyGovUC 1.0 kepada MyGovUC 2.0**

Pihak IIM juga memanfaatkan perkhidmatan kerajaan yang ditawarkan dengan penggunaan kemudahan perkhidmatan komunikasi dan koloboratif dalam MyGovUC 2.0. Pihak STM telah bekerjasama dengan pihak MAMPU untuk memasang dan mengkonfigurasikan sistem ini. Berikut adalah kemudahan perkhidmatan yang ditawarkan:

I. Sistem E-mel yang dapat dicapai menerusi komputer dan peranti mudah alih;
II. Persidangan dalam talian disediakan kepada semua pengguna;
III. Penghantaran E-mel bersaiz besar yang membolehkan pengguna melampirkan dokumen yang bersaiz besar;
IV. Fungsi koloborasi seperti penghantaran mesej, panggilan audio/video, serta perkongsian fail, panggilan conference, penjadualan temujanji dan boleh melihat sejarah perbualan dalam sesuatu pasukan atau projek;
V. Permohonan penghantaran notifikasi secara pukal melalui kemudahan *Mail Relay*;
VI. *Online Archiving* atau Pengarkiban Dalam Talian membolehkan fungsi pengarkiban e-mel pengguna dilaksana secara automatic.
VII. Sistem Pengurusan Profil Pengguna adalah sistem untuk mengurus akaun pengguna di agensi;
VIII. Sistem Pengurusan Pembelajaran yang membolehkan pengguna di agensi mempelajari perkhidmatan MyGovUC 2.0 secara dalam talian
IX. Meja Bantuan merupakan perkhidmatan yang disediakan secara 24/7. Perkhidmatan ini boleh dicapai melalui talian 03-83200660 atau secara e-mel ke sdmygovuc@mampu.gov.my






**Menaik taraf Aplikasi dan Sistem Online IIM**

Bagi memantapkan perkhidmatan yang ditawarkan, IIM telah menaikaraf beberapa sistem, aplikasi dan perisian seperti berikut:

- I. Menaiktaraf Sistem Pusat Ilmu iaitu *Information Management System* (IMS);
- II. Menaiktaraf Perisian SPSS Versi 27;
- III. Membudayakan sistem EBOSS seperti penggunaan Modul *Customer Relation Management* (CRM) oleh Seksyen Pemasaran dan Komunikasi Korporat (SPKK), Modul *Human Resources* oleh SPS dan Modul *Helpdesk* oleh STM; dan
- IV. Menaiktaraf Sistem Pembelajaran Atas Talian IIM;
- V. Penggunaan dan pemasangan Aplikasi EBOSS dan Emel di telefon pegawai IIM.






**Pembangunan Dashboard**

Pada tahun 2021, usaha-usaha untuk memantapkan *Dashboard* IIM telah dipertingkatkan. *Dashboard* ini diwujudkan bagi memberi pelaporan kepada organisasi yang melanggan produk IIM iaitu IIP dan IAT seperti berikut:

I. IIP untuk projek Malaysian Productive Company
II. IIP untuk projek Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
III. IAT untuk projek Uda Holdings
IV. IAT Cyberview
V. IIP Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

*Dashboard* juga turut digunakan sebagai tapisan bagi menyokong kepada Sistem Pengurusan Anti Rasuah organisasi seperti Data Pesalah Rasuah, Data Tapisan *Vendor* dan *Data Corruption Perceptions Index.*



**Menyediakan perkhidmatan yang berasaskan ICT secara bersepadu dan berkesan bagi menyokong produk dan program IIM**

STM juga telah menambahbaik pengurusan perkhidmatan dengan membangunkan Sistem *Helpdesk* STM yang menawarkan perkhidmatan seperti:

I. Pinjaman Peralatan ICT seperti komputer, projektor, *remote presentation*, LCD TV, Interaktif TV, dan lain-lain;
II. Aduan Kerosakan ICT;
III. Perkhidmatan lain seperti tempahan dan permohonan merangkumi peralatan, perisian, rangkaian, *dashboard*, sistem aplikasi, Video atas talian, serta sokongan dan teknikal program;
IV. Penempahan fasiliti STM seperti Makmal Komputer dan Studio IntegritiTV.










## Pembangunan Pelan Pendigitalan IIM 2021-2023

Pelan Pendigitalan IIM menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan Sektor Awam untuk tempoh tiga (3) tahun yang akan menjadi panduan kepada IIM bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan IIM bagi menyelesaikan isu tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Terdapat empat (4) halatuju strategik pelan ini iaitu:

I. Perkhidmatan Pendigitalan - Memperkasakan perkhidmatan digital bersepadu dan berpacukan data
II. Infrastruktur dan Keselamatan - Memperkasakan perkhidmatan infrastruktur dan keselamatan siber
III. Tadbir Urus Digital - Pemantapan tadbir urus ICT yang kolaboratif dan dinamik
IV. Kompetensi - Pemantapan modal insan dan pembudayaan ICT

## PELAN STRATEGIK & TINDAKAN

| No. | Strategik Utama | Pelan Tindakan | 2021 | 2022 | 2023 | Peneraju Utama |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Memperkasakan perkhidmatan digital bersepadu dan berpacukan data | **Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset** | Q4 | Q1 | | SP |
| | | **Peningkatan Penggunaan Perkhidmatan Portal** Cth : Pembangunan Website AIGA, Pembangunan Payment Gateway IIM, Pengemaskinian Website IIM secara berkala, Pembangunan Mobile Apps IIM, | 3 Program | 3 Program | 3 Program | BO |
| | | **Pembangunan Dashboard IIM** Cth : Produk IIM, Perkhidmatan Khidmat Korporat, Penyelidikan IIM, Data Pesalah Rasuah SPRM, Dashboard CPI & Black Listed Vendor MOF | | Bergantung kepada Pelanggan IIM | | BO |
| | | **Pembangunan Sistem KPI** | Q4 | | | SRP |

Integrity . Teamwork . Professional

INTEGRITI

## PELAN STRATEGIK & TINDAKAN

| No. | Strategik Utama | Pelan Tindakan | 2021 | 2022 | 2023 | Peneraju Utama |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Memperkasakan perkhidmatan digital bersepadu dan berpacukan data | **Pembangunan Sistem Smart Library dan Pemerkasaan Perkhidmatan Digital IIM** Cth : Pendigitilan E Books Koleksi IIM, Pembudayaan E-Content, Kemaskini portal IIMS, Perkhidmatan E-Journal, | Q1 3 Program | 3 Program | 3 Program | SPPI |
| | | **Pembangunan dan Pelaksanaan Digital Document Management System (DDMS)** | | Q1 | | SRP |
| | | **Pembangunan Sistem Perniagaan IIM** Cth : Inquiry-Quotation-PEA-Project and Resources Management-Delivery-Invois-Customer Feedback | | Q2 | | BO |
| | | **Pembangunan Sistem Organisasi IIM** Cth : Integration Sistem Financial, Accounting, Procurement, Human Resource, Performance and Supply Chain | | Q4 | | BKK |

Integrity . Teamwork . Professional

INTEGRITI

## PELAN STRATEGIK & TINDAKAN

| No. | Strategik Utama | Pelan Tindakan | 2021 | 2022 | 2023 | Peneraju Utama |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | Memperkasakan perkhidmatan infrastruktur dan keselamatan siber | **Menaiktaraf Keselamatan Firewall** | Q1 | | | STM |
| | | **Menaiktaraf Sistem Rangkaian Tanpa Wayar (WiFi) di IIM** | Q4 | | | STM |
| | | **Menaiktaraf Server dan Storage Bilik Server IIM** | | Q1 | | STM |
| | | **Pengurusan Server** 1. Backup-Data dan User Cloud Storage, 2. Disaster Recovery (DR) & Business Continuity Management (BCM) | Q4 | Q2 | | STM |
| | | **Menaiktaraf Sistem Siar Raya Auditorium** | | Q3 | | SP |
| | | **Penggantian Komputer Tahun 2015** | | Q3 | | STM |
| | | **Pelaksanaan Penyelenggaran Berjadual** 1. Rangkaian & Keselamatan ICT 2. Server, Sistem dan Pangkalan Data 3. Peralatan ICT | | 6 Program Sepanjang Tahun | | STM |
| | | **Menaiktaraf Rangkaian IIM** | | | Q3 | STM |

## PELAN STRATEGIK & TINDAKAN

| No. | Strategik Utama | Pelan Tindakan | 2021 | 2022 | 2023 | Peneraju Utama |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 3 | Pemantapan tadbir urus ICT yang kolaboratif dan dinamik | **Menaiktaraf Perkhidmatan Komunikasi Bersepadu MyGovUC 2.0** Cth: Email, VC, Team Chat, Calender, Contact, Files&Document,Task, Notes, DLL | Q1 | | | STM |
| | | **Pembangunan dan Pemantauan Pelan Pendigitalan 2021-2023** | Q3 | | Q4 | STM |
| | | **Membangunkan Pelan Komunikasi dan Pelan Pemasaran** | 2 Pelan | 2 Pelan | 2 Pelan | SPPK |
| | | **Meningkatkan Tadbir Urus STM** - Pembangunan, Semakan dan Audit berkenaan SOP serta Garis Panduan berkaitan STM, QMS dan ABMS | | Sepanjang Tahun | | STM |
| | | **Memperluaskan rangkaian kerjasama dengan rakan strategik yang boleh memberi manfaat bersama** Cth : HRDF, Global Psytech, INTAN, T4I, MAMPU, Arkib Negara | | Sepanjang Tahun | | IIM |

Integrity . Teamwork . Professional

INTEGRITI

## PELAN STRATEGIK & TINDAKAN

| No. | Strategik Utama | Pelan Tindakan | 2021 | 2022 | 2023 | Peneraju Utama |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4 | Pemantapan kompetensi dan pembudayaan ICT | **Pembangunan dan pelaksanaan Learning Management Systems IIM** | Q3 | 5 Modul | 5 Modul | SL & SPSM |
| | | **Pembangunan Kandungan Kreatif** (Cth : Video Produk atau Korporat IIM, Mengemaskini Media Sosial, Design Graphic, DLL) | | Sepanjang Tahun | | SPKK |
| | | **Memperkasakan penggunaan ICT dalam kalangan warga IIM** Cth: Bengkel ICT seperti Bengkel MyGovUC, Latihan Penggunaan Doddly, Penggunaan ECKMS, DLL | 3 Program | 3 Program | 3 Program | STM |
| | | **Membuat Kajian Ketersedian Pendigitalan warga kerja IIM** | | 1 Program | | SPPI |
| | | **Menyediakan Latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai STM** | 3 Kursus | 5 Kursus | 5 Kursus | SPSM |
| | | **Menaiktaraf Sistem Pengurusan Sumber Manusia sedia ada** | Q4 | | | SPSM |
| | | **Menganjurkan Product or Technology Updates** | | Sepanjang Tahun | | STM |

Integrity . Teamwork . Professional

INTEGRITI

# SEKSYEN PENYELIDIKAN DAN **PEMBANGUNAN ILMU (SPPI)**

Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan Ilmu (SPPI) berperanan sebagai pusat pembangunan penyelidikan, kajian dan Pusat Ilmu IIM. Seksyen ini menggerakkan pengurusan penyelidikan dan memperluaskan kerjasama pintar dengan pihak-pihak berkepentingan, penyelidik dan universiti penyelidikan.

## PUSAT ILMU IIM

Pusat Ilmu IIM merupakan sebuah perpustakaan khusus dan ia dibangunkan dan dirangka untuk memenuhi keperluan program-program IIM sebagai sebuah institusi pemikir berkaitan governans, integriti dan antirasuah.

## KOLEKSI PUSAT ILMU

**Koleksi Terbuka**

**5,398** Sehingga Nov 2021

Koleksi – Koleksi Dibahagian Rak Terbuka Yang Boleh Dipinjam Oleh Pengguna Berdaftar Termasuk Koleksi Khas (Terbitan IIM), Koleksi Rujukan Dan Koleksi *Red Spot* (Terhad).

**Koleksi Arkib IIM**

**2,903**

Koleksi – Koleksi YangTelah Selesai Proses Penyisihan *(Weeding Book)* Untuk Buku – Buku Tahun 2009 Ke Bawah Yang Masih Relevan Berkaitan Organisasi Seperti *Governance*, Antirasuah, *Fraud*, Integriti.

**Koleksi Bahan Berkala**

**63**

Koleksi – Koleksi Merangkumi Majalah, Buletin Termasuk E–Majalah Yang Terdapat Didalam Portal Pusat Ilmu Dalam Pelbagai Subjek.

**Koleksi Keratan Akhbar**

**3,785**

Koleksi – Koleksi Keratan Akhbar Berkaitan Penulisan Artikel Daripada Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Atasan Dan Artikel Berkaitan Tadbir Urus, Antirasuah Dan Integriti.

**Koleksi Arkib IIM**

| | |
|---|---|
| E-BOOK | 2,681 |
| E-JURNAL | 300 |
| E-ARTIKEL | 50,000 |

Koleksi – Koleksi Pangkalan Data Termasuk Percuma Dan Langganan Dari Pusat Ilmu.

**Koleksi Audio Visual & Foto Album**

**526**

Koleksi – Koleksi CD, DVD ROM Daripada Lampiran Buku Dan Berkaitan Penerbitan Integriti. Foto Acara, Majlis Dari Tahun 2004 Sehingga Terkini.

## PENYISIHAN BUKU TAHUN 2009 KEBAWAH (WEEDING BOOK)

**Koleksi Arkib IIM**

**2,903**

Koleksi – Koleksi Yang Telah Diwujudkan Hasil Daripada Pemilihan Buku Tahun 2009 Yang Masih Relevan/Berkaitan Kepada Rujukan Organisasi Seperti Subjek Tadbir Urus, Antirasuah, Integriti Dan Lain – Lain Untuk Disimpan Di Pusat Ilmu

**Weeding Books**

**4,301**

Telah Diproses Penyisihan Buku – Buku Penerbitan Dari Tahun 2009 Kebawah Telah Berjaya Diasingkan

**Sumbangan Kepada PNM**

**557**

Sumbangan Telah Dilakukan Pada 5 Mei 2021 Kepada Bahagian Penerimaan Bahan Rujukan PNM Dan Masih Berbaki 841Buah Buku Untuk Disumbangkan Kepada Agensi, NGO Yang Memerlukan Bahan Rujukan

*PNM – Perpustakaan Negara Malaysia

# PERKHIDMATAN TEKNIKAL

**Kataloging & Klasifikasi Bahan**

**3,346**

Jumlah Telah Selesai Dikataloging Kedalam Sistem IMS Dan Selebihnya Telah Selesai Di Masukkan Kedalam Sistem Sebagai *Proses Receiving*

**Cop Pemilikan Bahan / Koleksi**

**5,398**

Mengemaskini Setiap Buku – Buku Dicop Pemilikan Pusat Ilmu Mengikut Prosedur Perpustakaan Negara Malaysia

**Menampal RFID Tag Dan Mengaktifkan Tujuan Keselamatan**

**5,398**

Bertujuan Mengurangkan Risiko Kehilangan Buku

**Memasukkan Akses Barcode & Label Call Number Di Tulang Buku & Penjilidan**

| 5,398 | 121 | 102 |
|---|---|---|
| Akses Barcode | Label Call Number | Jilid |

# PEMBELIAN BAHAN BAHARU

**Buku / Monograf**

| Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
|---|---|---|---|
| 17 | 20 | 30 | 27 |

**97** Sehingga Nov 2021

**Kandungan Digital / Pengkalan Data**

| E-Book | E-Jurnal | E-Artikel |
|---|---|---|
| 2,600 | 300 | 50,000 |

Langganan Emerald Insight Selama

**3** TAHUN

ISO INTERNATIONAL **5** TAJUK

Pembelian Format PDF & EPUB

**Surat Khabar Elektronik / E-Paper**

**7** TAJUK

Telah Diperbaharui Dan Langganan Baharu

# PROGRAM / AKTIVITI

### Bengkel Portal Information Management Systems (IMS Portal)







### Bengkel Latihan Penggunaan ET 18 Pro Mesin Pengimbas Czur Malaysia




# PROGRAM / AKTIVITI

### Pendigitilan Buku - Buku Penerbitan IIM Kepada Format E-Book




**37** EBOOK

Telah Didigitalkan Kepada Format PDF & E-Book Memudahkan Bacaan Kepada Pengguna

## Aktiviti/Program Bagi Tahun 2021:

**Bengkel Pembangunan Instrumen Kajian Keberkesanan Pelaksanaan OACP dan ABMS**
Bengkel Pembangunan Instrumen Kajian Keberkesanan Pelaksanaan OACP dan ABMS telah diadakan pada 24 Mei 2021 melalui aplikasi Zoom. Bengkel yang melibatkan 13 orang pegawai IIM termasuklah Pengurusan Tertinggi IIM.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk membangunkan instrumen bagi edaran borang soal selidik yang berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan OACP dan ABMS di organisasi awam serta swasta.

Dua (2) set edaran soal selidik telah berjaya dibangunkan iaitu untuk edaran dalaman organisasi dan untuk edaran rakan perniagaan organisasi.












**Taklimat *Person-in-Charge* (PIC) Agensi bagi Kajian Keberkesanan Pelaksanaan OACP & ABMS**

Taklimat *Person-in-Charge* (PIC) Agensi bagi Kajian Keberkesanan Pelaksanaan OACP dan ABMS telah diadakan pada 29 Julai 2021 melalui aplikasi Zoom. Taklimat ini melibatkan 20 agensi (pengutipan data kajian). Taklimat ini diadakan bertujuan untuk memberi penerangan kepada wakil pegawai yang dilantik oleh setiap agensi mengenai keperluan kajian seperti kategori responden, pensampelan (organisasi dan rakan niaga) yang diperlukan dan kaedah survei kajian. Kebanyakkan peserta yang hadir terdiri daripada Ketua Unit Integriti atau Pegawai Integriti Bertauliah (CeiO) di agensi masing-masing.

**Bengkel Pemurniaan Penyediaan Laporan Akhir Kajian Keberkesanan ABMS 37001**
Bengkel Pemurniaan Penyediaan Laporan Akhir Kajian Keberkesanan ABMS 37001 telah diadakan pada 2 hingga 3 April 2021 bertempat di Hotel Dorset Hartamas, Kuala Lumpur. Bengkel ini telah melibatkan seramai 15 pegawai IIM termasuklah Pengurusan Tertinggi IIM.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk membincangkan penambahbaikan semakan terakhir *(proofreading)* bagi laporan akhir Kajian Keberkesanan ABMS seterusnya dapat menghasilkan laporan yang lebih berkualiti selaras dengan objektif utama kajian.

Hasil bengkel tersebut, satu laporan akhir berkenaan Kajian Keberkesanan ABMS yang lengkap berjaya dibangunkan.




Para peserta bengkel sedang menyiapkan laporan




Sesi gambar berkumpulan oleh peserta bengkel setelah tamat bengkel

**Bengkel Portal Sistem Pengurusan Maklumat (IMS)**

Bengkel Portal Sistem Pengurusan Maklumat (IMS) telah diadakan pada 22 April 2021. Bengkel ini diadakan bertempat di Makmal Komputer, Menara INTEGRITI melalui aplikasi Zoom. Objektif penganjuran bengkel adalah untuk memberi panduan penggunaan Portal IMS berkaitan perkhidmatan Perpustakaan Integriti dan penggunaan Portal E-Content untuk perkongsian maklumat dan dokumen setiap seksyen dalam IIM.

Peserta juga dapat maklumat dan perkongsian berkaitan penyediaan koleksi salinan digital, pangkalan data, bacaan akhbar atas talian dalam portal sebagai rujukan kepada warga IIM.

Selaras dengan pelan pembangunan *Smart Library* pihak Perpustakaan Integriti telah membangunkan sistem terbaharu yang dikenali sebagai Portal Sistem Pengurusan Maklumat (IMS). Portal ini berfungsi sebagai akses sumber digital dan perkhidmatan berkaitan kepada pengguna.

Bengkel penggunaan Portal telah dibantu oleh Syarikat Electric Library (M) dan Seksyen Teknologi Maklumat (STM) berkaitan aspek teknikal portal Perpustakaan Integriti yang menawarkan perkhidmatan portal web dan telah mengindeks lebih 4,000 sumber digital *online* yang dilanggan termasuk e-jurnal, *e-book*, e-akhbar, e-artikel dan e-tesis.

Portal IMS turut menyediakan platform portal kolaboratif IIM terdahulu untuk warga kerja IIM seperti akses muat naik, muat turun dari setiap seksyen sebagai perkongsian maklumat dan dokumen. Dengan penggunaan Portal IMS, Perpustakaan telah mengorak selangkah ke hadapan dalam memajukan perkhidmatan dengan inovasi sumber digital dan perkhidmatannya serta meluaskan lagi akses, fungsi dan keberkesanannya.



# LAPORAN BAHAGIAN OPERASI


SEKSYEN SISTEM PENGURUSAN 43

SEKSYEN PENILAIAN INTEGRITI 50

SEKSYEN LATIHAN 54

SEKSYEN PEMASARAN DAN KOMUNIKASI KORPORAT 61

TEMU BUAL DAN WAWANCARA 64




# SEKSYEN **SISTEM PENGURUSAN (SSP)**

Seksyen Sistem Pengurusan (SSP) bertanggungjawab memberi khidmat konsultasi dan latihan kepada klien mengenai sistem pengurusan dan pelan yang boleh dibangunkan bagi membanteras dan memerangi rasuah. Sistem pengurusan dan pelan yang dimaksudkan adalah Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), Penilaian Risiko Rasuah (CRA) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Pembangunan ABMS ini boleh membantu organisasi korporat untuk memenuhi keperluan Tatacara Mencukupi di bawah subseksyen (5) Seksyen 17 (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

## 1. Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS)

ABMS adalah satu standard yang diterbitkan oleh *The International Organization for Standardization* (ISO) pada tahun 2016 bagi mencegah, mengesan dan menangani kes rasuah di dalam sesebuah organisasi yang boleh digunapakai oleh agensi kerajaan, swasta, perusahaan kecil & sederhana (SME) serta badan bukan kerajaan (NGO). Ia merupakan satu sistem yang meliputi langkah-langkah kawalan dan pencegahan rasuah yang dibangunkan berdasarkan amalan-amalan terbaik *(best practices)* antirasuah di peringkat global. Selain daripada membantu organisasi membangunkan keseluruhan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), IIM turut memberi khidmat konsultasi kepada organisasi secara *a-la-cart* mengikut keperluan peringkat pelaksanaan di dalam Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS).




Sesi Bengkel ABMS Documentation Development bersama MYNIC Berhad pada 5 hingga 7 Jun 2021, yang dikendalikan secara dalam talian oleh Puan Wan Nabilah Meor Mohd Jamil dan Encik Izal Arif Zahrudin, Konsultan IIM.




Sesi terakhir Bengkel ABMS *Management Review* bersama MARA Corporation Berhad, yang dilaksanakan secara fizikal pada 16 dan 17 November 2021 di Hotel Double Tree by Hilton, Melaka. Bengkel ini dikendalikan sepenuhnya oleh Encik Mohd Hafizdi sebagai Ketua Konsultan dan Puan Maisyarah Mansoruddin sebagai Konsultan Kedua.



Sesi terakhir Bengkel ABMS *Management Review* Ketua Jabatan Integriti dan IGU, Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd. yang dilaksanakan secara atas talian pada 27 Ogos 2021. Puan Farah Idayu Jaafar bertindak selaku Ketua Konsultan dan dibantu oleh Pn. Nurul Shafinas Mohd Daud, sebagai Konsultan Kedua.





Hari pertama Sesi Bengkel ABMS *Gap Analysis* bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn Bhd. telah diadakan pada 27 Oktober 2021. Bengkel dibahagikan kepada empat (4) sesi yang melibatkan para pegawai dari bahagian/ jabatan di MDEC.



Sesi Bengkel Pembangunan dan Semakan Dokumentasi ABMS bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara atas talian *(zoom meeting)* telah diadakan pada 24 Ogos 2021, Puan Wan Nabilah Meor Mohd Jamil bertindak sebagai Ketua Konsultan dan dibantu oleh Puan Maisyarah Mansoruddin selaku Konsultan Kedua. Sesi ini adalah sesi secara a-la-carte mengikut keperluan organisasi peringkat pelaksanaan ABMS.



Majlis Perasmian Bengkel Penilaian Risiko Rasuah (CRA) bagi Pembangunan dan Penggubalan Pelan Antirasuah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah secara hibrid. Turut hadir ialah Tn. Haji Hamilye Sham Harun selaku wakil IIM dan Pengarah JHEAINS.

## 2. Penilaian Risiko Rasuah (CRA)

CRA merupakan sebuah proses pengurusan risiko yang membantu dalam mengenal pasti risiko rasuah dan inisiatif pencegahan rasuah. CRA berfungsi untuk mengenal pasti kelemahan struktur dalam sesebuah organisasi yang memberikan ruang kepada aktiviti rasuah serta menyediakan rangka kerja berasaskan risiko untuk semua kakitangan agar dapat mengenal pasti faktor risiko dan inisiatif pemulihan. Ia juga dapat membantu meningkatkan proses pencegahan rasuah dalam rangka kerja tadbir urus sesebuah organisasi.

Secara dasarnya, CRA merupakan sebuah instrumen pengurusan berasaskan risiko yang membantu pengurusan organisasi untuk membangunkan profil risiko rasuah dan pelan tindakan risiko yang dapat meminimumkan pendedahan kepada risiko rasuah.

## 3. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)

OACP merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang memberikan pengkhususan untuk “Memperkukuhkan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam”.

OACP merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Ia menggariskan penyataan masalah, pendekatan dan program yang berkaitan dengan segala aspek penambaikan seperti pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan dengan mengambil kira situasi kini dan masa hadapan.

Pelan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan sumber yang sesuai dalam memenuhi dasar yang ditetapkan, menentukan jangka masa yang munasabah dan menggariskan laluan ke arah pencapaian objektif strategik.



Bengkel Analisa Data bagi tujuan Pembangunan dan Penggubalan Pelan Antirasuah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bertempat di Dewan Mas Merah, LPNM, Johor Bahru. Sesi ini turut dihadiri oleh semua ahli jawatankuasa OACP yang dipengerusikan oleh Puan Linda Bt Buang selaku Timbalan Ketua Pengarah (Operasi).




Bengkel Pembangunan OACP Kementerian Luar Negeri (KLN) pada 31 March - 2 April 2021 di Wisma Putra 1, Kementerian Luar Negeri.



Sesi Taklimat dan perbincangan Pembangunan OACP untuk Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di Menara Dato' Onn, PWTC. Sesi ini telah disampaikan oleh Encik Harisham Ibrahim, pada 24 Februari 2021.



Selesai sesi Bengkel Analisa Data dan Penilaian Risiko bagi Pembangunan & Penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bersama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), pada 8 Mac 2021. Bengkel dikendalikan oleh Puan Nurul Fadzliyanie Mohd Razif dan Encik Umar Chong Shafie Abdullah.



Sesi Bengkel Pelan Tindakan untuk Lembaga Lebuhraya Malaysia yang diketuai oleh Encik Harisham Ibrahim dan dibantu oleh Puan Nurul Fadzliyanie Mohd Razif dan Encik Muhamad Khairul Azmir Mohd Paiz. Bengkel dikendalikan secara atas talian disebabkan PKP.



Sesi perbincangan pelaksanaan ABMS dan OACP bersama Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan anak-anak syarikat PLC, pada 14 September 2021, secara atas talian *(zoom meeting)*.



Bengkel dalaman bagi para konsultan dan kakitangan SSP '*Initiative in Deriving Consultation of* OACP' yang disampaikan oleh En. Harisham Ibrahim dan En. Umar Chong, pada 19 November 2021, di Dewan Murni, IIM.



Bengkel Pembangunan Modul OACP dan ABMS SSP 2021, yang diadakan di AMES Hotel, Melaka pada 10-12 Disember 2021 dan dihadiri oleh semua warga SSP.

Jumlah/Bilangan Agensi yang melaksanakan ABMS, OACP dan CRA sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

## ABMS

1. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)
2. Sarawak Economic Development Corporation (SEDC)
3. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
4. Encorp Berhad
5. Rohas Tecnic Berhad
6. Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.
7. MyNIC Berhad
8. MARA Corporation Berhad
9. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

## OACP

1. Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)
2. Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Bank)
3. Bank Simpanan Nasional (BSN)
4. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
5. Kementerian Luar Negeri (KLN)
6. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
7. Perbadanan Kraftangan Malaysia
8. Lembaga Air Perak
9. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
10. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
11. Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia
12. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
13. Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM)
14. Telekom Malaysia Berhad (TM)
15. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM)
16. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
17. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)
18. Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT)
19. Yayasan Terengganu
20. INCEIF
21. Nano Malaysia Berhad
22. Perbadanan Kampung Baru
23. SIRIM
24. Technology Depository Agensy Berhad (TDA)

## CRA

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

**Produk Baharu IIM**

IIM mengorak langkah yang lebih agresif dengan memperkenalkan program dan produk baharu IIM dalam membantu individu dan organisasi bagi meningkatkan pemahaman tentang usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan melalui pelaksanaan NACP dalam menangani isu integriti, tadbir urus dan rasuah di negara ini. Sebahagian daripada program yang telah diperkenalkan adalah seperti berikut:

a) Taklimat Pembangunan dan Penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) untuk Agensi Kerajaan dan Swasta
b) Kursus Asas Penilaian Risiko Rasuah bagi Agensi Kerajaan dan Swasta

## 1. Taklimat Pembangunan dan Penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) untuk Agensi Kerajaan dan Swasta

Pelan Antirasuah Organisasi atau lebih dikenali sebagai OACP merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Banyak agensi awam dan swasta belum memahami keperluan dan proses pembangunan OACP kerana kurangnya pendedahan yang diberikan kepada mereka. Sehubungan itu, IIM telah membangunkan program berbentuk taklimat serta penerangan berkaitan keperluan pembangunan dan penggubalan OACP bagi memberikan pencerahan kepada wakil-wakil agensi sektor awam dan sektor swasta.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pemahaman tentang proses dan langkah yang perlu dilalui oleh agensi awam dan swasta dalam pembangunan OACP di agensi masing-masing.

## 2. Kursus Asas Penilaian Risiko Rasuah bagi Agensi Kerajaan dan Swasta

Berdasarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), Objektif Strategik 2.1.3 telah menggariskan pensijilan ABMS MS ISO: 37001 diperkenalkan di semua agensi kerajaan, Objektif strategik 6.2.4 mencadangkan ABMS MS ISO: 37001 sebagai syarat ke atas Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta untuk membida kontrak Kerajaan. Manakala, Objektif Strategik 2.1.5 pula mewajibkan sektor awam untuk membangunkan OACP. Ketiga-tiga keperluan objektif ini menggariskan keperluan kepada pembangunan penilaian risiko rasuah bagi agensi kerajaan dan swasta.

Hasil penilaian risiko yang diperolehi dijadikan asas oleh organisasi untuk mewujudkan proses, sistem dan kawalan yang diluluskan oleh pengurusan atasan untuk mengurangkan risiko daripada terdedah kepada unsur rasuah. Kursus Asas Penilaian Risiko Rasuah boleh membantu para peserta atau organisasi dari segi pengetahuan dan pemahaman yang jelas mengenai konteks penilaian risiko dalam pencegahan rasuah, memahami bagaimana menerapkan pendekatan *top-down* dalam mengenal pasti risiko rasuah, mengetahui asas-asas pelaksanaan penilaian risiko rasuah dan pelan tindakan dan mengetahui cara membangunkan satu pendaftaran risiko rasuah bagi sesebuah organisasi.

# SEKSYEN **PENILAIAN INTEGRITI (SPI)**

Seksyen Penilaian Integriti (SPI) melaksanakan fungsi dan bertanggungjawab untuk merancang, mengurus, menyedia dan memantau kualiti pelaksanaan instrumen penilaian integriti sebagai sebahagian daripada produk IIM iaitu *Individual Integrity Profile* (IIP), *Integrity Assessment Tool* (IAT) dan *Community Integrity Building* (CIB). Kualiti perkhidmatan konsultasi dan intervensi yang disediakan oleh SPI sentiasa memberikan keutamaan menerusi jalinan kerjasama strategik dengan individu dan kumpulan pakar rujuk dalam bidang penilaian governans, integriti dan antirasuah.

***Individual Integrity Profile* (IIP)**

IIP adalah sebuah instrumen penilaian psikometrik yang berfungsi untuk menilai kecenderungan individu agar menjadi jujur dan konsisten dari segi tindakan, nilai-nilai dan prinsip serta berfungsi untuk melihat integriti sebagai satu aspek penting dalam kehidupan dan tingkah laku seseorang.

Keputusan daripada hasil penilaian dan analisa IIP akan menyediakan maklumat terperinci tentang tingkah laku dan sifat-sifat yang berkaitan dengan kecenderungan integriti dan kelakuan kerja tidak produktif dalam persekitaran kerja.

***Integrity Assessment Tool* (IAT)**

IAT merupakan instrumen penilaian organisasi yang dibangunkan untuk mengenal pasti kecenderungan wujudnya risiko rasuah di institusi tertentu. Instrumen ini menyokong inisiatif integriti korporat, iaitu meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat. Ia boleh digunakan untuk menentukan dan menilai kemajuan organisasi ke arah matlamat program jangka pendek dan jangka panjang.

Ia juga digunakan untuk mengesan, mencegah dan memberikan penyelesaian mengenai kes-kes salah laku integriti dan menilai risiko reputasi seluruh perusahaan dengan tujuan untuk menilai risiko rasuah dengan mengenal pasti jurang dan halangan yang dihadapi oleh organisasi dalam mengekalkan tadbir urus yang baik.

| Tarikh | Aktiviti/Program SPI |
|---|---|
| 7 Januari 2021 | Sesi Perkongsian dan Rundingcara Instrumen IIP bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Bilik Lembaga CIDB, Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur yang dihadiri seramain 14 peserta. Turut hadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif CIDB, YBhg. Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid. |
| 18 Januari 2021 | Pembentangan Analisa Laporan Penilaian IIP bersama Malaysia Productivity Corporation (MPC). Program ini melibatkan seramai 15 peserta. Turut hadir adalah Ketua Pengarah, YBhg. Dato' Hj Abdul Latif Bin Abu Seman |
| 19 Januari 2021 | Perbincangan Pembangunan Modul Latihan CISM Bil 1/2021. Program ini bertujuan untuk membentangkan proses baharu CISM dan perkongsian kerangka modul CISM |
| 27 Januari 2021 | Sesi Pembentangan Analisa Laporan Penilaian bersama Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs). Turut hadir adalah Encik Norsiake bin Kassim (Pengurus Besar PKENPs) dan Encik Azizan Hassan (Pengurus Sumber Manusia) |

| Tarikh | Aktiviti/Program SPI |
|---|---|
| 27 Januari 2021 | Sesi Perkongsian Keputusan Pilot-RIA 2.0-UDA. Tujuan program ini adalah untuk membentangkan Laporan Pilot Projek IAT kepada Unit Integriti UDA. Turut hadir, Encik Zamanhuri, Ketua Unit Integriti UDA. |
| 2 Februari 2021 | Penerangan produk IIP kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) yang melibatkan penyertaan seramai 50 peserta. |
| 19 Januari 2021 | Perbincangan Pembangunan Modul Latihan CISM Bil 1/2021. Program ini bertujuan untuk membentangkan proses baharu CISM dan perkongsian kerangka modul CISM |
| 4 Februari 2021 | Sesi Perbincangan Modul CISM Bersama Pihak Transparency International Malaysia (TI-M) |
| 8 Februari 2021 | Sesi Rundingcara Instrumen IIP Bersama pihak Boustead Holdings Berhad |
| 15 Februari 2021 | Sesi Rundingcara Instrumen IIP Bersama Pihak Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) |
| 17 Februari 2021 | Sesi Perkongsian Instrumen Penilaian Integriti IIP bersama Pihak Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS). Program ini melibatkan 12 peserta. Turut hadir, YBrs.Ir. Ts. Dr.Khairil Anwar Bin Abu Kassim (Ketua Pengarah MIROS) |
| 19 Februari 2021 | Sesi perbincangan soalan IAT bersama Cyberview Sdn. Bhd. Program ini melibatkan 7 peserta. Turut hadir, Encik Mohd Ismail Abd Jalil (Ketua Jabatan Integriti dan Governans) |
| 24 Februari 2021 | Sesi Perkongsian Instrumen Penilaian Integriti IIP bersama Tekun Nasional (TEKUN). Program ini melibatkan 10 orang peserta. |
| 24 Februari 2021 | Sesi Perbincangan mengenai LOA pelaksanaan IAT di peringkat Cyberview Sdn. Bhd. Program ini melibatkan enam (6) peserta. |
| 24 Februari 2021 | Sesi Rundingcara Instrumen IIP Bersama Pihak Institut Jantung Negara (IJN). Program ini melibatkan lapan (8) peserta. |
| 29 Mac 2021 | Sesi Perkongsian Instrumen Penilaian IIP dan Rundingan Harga Bersama Pihak Indah Water Konsortium (IWK) |
| 29 Mac 2021 | Sesi Perkongsian Instrumen IAT bersama pihak UEM Edgenta Berhad |
| 2 April 2021 | Sesi perkongsian instrumen IIP bersama pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) |

| Tarikh | Aktiviti/Program SPI |
|---|---|
| 5 April 2021 | Sesi Perkongsian Instrumen IAT dan CIB bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (MARITIM) |
| 6 hingga 7 April 2021 | Sesi perkongsian instrumen IIP kepada staf baharu IIM |
| 8 April 2021 | Sesi pelaporan instrumen IAT bersama pihak Cyberview Sdn. Bhd. |
| 14 hingga 15 April 2021 | Bengkel *Analysing Polytomous using Xcalibre software.* |
| 16 April 2021 | Mesyuarat Anggota Meja Bulat *Corporate Integrity System Malaysia* (CISM RTD Meeting) Bil. 1/2021 |
| 20 April 2021 | Sesi Rundingcara Instrumen IAT bersama pihak FGV Holding Berhad |
| 21 April 2021 | Sesi Rundingcara dan Perkongsian Instrumen IIP bersama pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) |
| 16 April 2021 | Sesi perbincangan pakej *proposal Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) |
| 22 April 2021 | Sesi perbincangan instrumen IAT bersama Kolej Yayasan Pahang |
| 26 April 2021 | Sesi pembentangan dan penyerahan laporan penilaian instrumen IIP kepada Pihak Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) |
| 5 Mei 2021 | Sesi penyerahan laporan instrumen IAT kepada Cyberview Sdn Bhd |
| 6 Mei 2021 | Sesi *Site Visit* Institut Jantung Negara (IJN) |
| 1 Jun 2021 | Sesi Rundingcara Instrumen IIP bersama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP) |
| 18 Jun 2021 | Sesi Taklimat dan Rundingcara bersama pihak Business Excellence Assessors |
| 24 Jun 2021 | Sesi Rundingcara bersama pihak Kumpulan Wang Simpana Pekerja (KWSP) |
| 12 Julai 2021 | Sesi Perbincangan Instrumen bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Global Psytech |
| 15 Julai 2021 | Sesi libat urus dengan Ahli Lembaga Pengarah Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) |

| Tarikh | Aktiviti/Program SPI |
|---|---|
| 15 Julai 2021 | Sesi Business Engagement bersama Dr.Hendry (EC IIM) |
| 17 Ogos 2021 dan 28 Ogos 2021 | Sesi Perkongsian IIP dan perkongsian susulan bersama pihak JKKN |
| 3 September 2021 | Sesi mesyuarat susulan mengenai instrumen IAT bersama FGV |
| 8 September 2021 | Sesi perkongsian bersama UDA holdings |
| 23 September 2021 | Sesi perkongsian leadership assessment bersama GP |
| 14 Oktober 2021 | Taklimat IIP kepada KPDNHEP |
| 16 November 2021 | Sesi perkongsian bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) |
| 18 November 2021 | Perbincangan bersama UDA Holdings Berhad mengenai sambutan Hari Integriti. |
| 7 Disember 2021 | Pelancaran IAT bersempena Hari Integriti UDA Holdings Berhad |
| 9 Disember 2021 | Sesi perbincangan IAT bersama FGV Holdings Berhad |




Mesyuarat Anggota Meja Bulat Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) Bil. 1/2021

# SEKSYEN **LATIHAN (SL)**

Seksyen Latihan (SL) memberi tumpuan kepada pembangunan modul-modul latihan yang berteraskan kepada pengurusan governans, integriti dan anti rasuah. Objektif utama adalah memberi kefahaman dan juga pendedahan kepada organisasi dan individu dalam menangani isu dan cabaran yang berkaitan dengan pematuhan undang-undang pencegahan rasuah serta memperkukuh nilai-nilai, etika dan integriti yang baik. Pembangunan modul latihan mencakupi ruang lingkup di peringkat individu, komuniti dan nasional. Tujuannya adalah untuk membantu membina suri tauladan dalam kalangan pemimpin organisasi mahupun seluruh warga kerja organisasi.

Pada tahun 2021, Seksyen latihan juga telah diberikan tanggungjawab untuk menjayakan program khas, Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) dan juga bertindak sebagai sekretariat bagi Inisiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu di bawah Inisiatif 6.2.4.

**Program *Ethics & Integrity* (E&I), *Do the Right Thing* (DTRT), Kefahaman mengenai Akta Liabiliti Korporat : Seksyen 17A dan Tatacara Mencukupi.**

Program Latihan Integriti memfokuskan empat (4) modul latihan utama iaitu Program latihan *Ethics & Integrity* (E&I), *Program Do The Right Thing* (DTRT), *Program Understanding Corporate Liability Provision & Establishing the Adequate Procedures* serta program-program latihan yang di reka khas mengikut keperluan dan kehendak pelanggan. Selain itu, SL juga mengurus dan menyampaikan ceramah-ceramah yang berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah selaras dengan kehendak Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi permohonan-permohonan dari agensi-agensi kerajaan sepanjang tahun 2021. Keempat-empat program ini mempunyai kaedah dan pendekatan yang berbeza mengikut sasaran peserta berlatar belakang dari pelbagai peringkat dalam organisasi.

Berikut merupakan senarai agensi yang terlibat dalam pelaksanaan Program Latihan Integriti dan program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021:

**PROGRAM LATIHAN *ETHICS & INTEGRITY* (E&I)**

| Bil. | Syarikat | Kerajaan/ Swasta | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Marine & General Berhad | Swasta | 10 Mac 2021 |
| 2 | MARA Corporation Sdn Bhd | Swasta | 26 Julai 2021 |
| 3 | UNION Sarawak | Kerajaan | 7 September 2021 |
| 4 | UNION Sarawak | Kerajaan | 21 September 2021 |
| 5 | UNION Sarawak | Kerajaan | 6 Oktober 2021 |
| 6 | National Kidney Foundation | Swasta | 19 November 2021 |
| 7 | UNION Sarawak | Kerajaan | 29 November 2021 |
| 8 | Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) | Kerajaan | 23 Disember 2021 |

## PROGRAM LATIHAN *DO THE RIGHT THING* (DTRT)

| Bil. | Syarikat | Kerajaan/ Swasta | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | MARA Corporation Sdn Bhd | Swasta | 24 Ogos 2021 |
| 2 | UNION Sarawak | Kerajaan | 9 September 2021 |
| 3 | UNION Sarawak | Kerajaan | 23 September 2021 |
| 4 | YAPEIM | Swasta | 20 September 2021 |
| 5 | UNION Sarawak | Kerajaan | 7 Oktober 2021 |
| 6 | UNION Sarawak | Kerajaan | 30 November 2021 |
| 7 | Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) | Swasta | 22 Disember 2021 |

## PROGRAM LATIHAN *UNDERSTANDING CORPORATE LIABILITY PROVISION & ESTABLISHING THE ADEQUATE PROCEDURES*

| Bil. | Syarikat | Kerajaan/ Swasta | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Marine & General Berhad | Swasta | 27 April 2021 |
| 2 | Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC) | Swasta | 28 Mei 2021 |
| 3 | MARA Corporation Sdn Bhd | Swasta | 7 Julai 2021 |
| 4 | Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd (PTP) | Swasta | 16 Ogos 2021 |
| 5 | ENCORP BERHAD | Swasta | 29 November & 7 Disember 2021 |
| 6 | National Kidney Foundation | Swasta | 26 November 2021 |

## PROGRAM LATIHAN LAIN *(CUSTOMISED TRAINING)*

| Bil. | Syarikat | Kerajaan/ Swasta | Tajuk Latihan | Tarikh |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Akademi Kepimpinan Wanita | Kerajaan Negeri Selangor | Kursus Tatakelola Baik | 3, 10 & 17 Mac 2021 |
| 2 | Boustead Holdings Berhad | Swasta | “Tumbuk Rusuk”- systematic Corruption | 30 November 2021 |

## SIRI LATIHAN TERBUKA *(PUBLIC TRAINING)*

Berikut siri Latihan yang ditawarkan secara terbuka kepada individu atau organisasi:

| Bil. | Program | Tarikh | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | *Understanding Corporate Liability Provision & Establishing The Adequate Procedures* (Siri 1) | 10 Februari 2021 | 11 |
| 2 | *Understanding Corporate Liability Provision & Establishing The Adequate Procedures* (Siri 2) | 17 Februari 2021 | 5 |
| 3 | E&I (Siri 1) | 24 Februari 2021 | 12 |
| 4 | *Understanding Corporate Liability Provision & Establishing The Adequate Procedures* (Siri 3) | 24 Mac 2021 | 5 |
| 5 | *Understanding Corporate Liability Provision & Establishing The Adequate Procedures* (Siri 4) | 21 April 2021 | 8 |
| 6 | DTRT (Siri 1) | 30-Jun-21 | 30 |
| 7 | *Understanding Corporate Liability Provision & Establishing The Adequate Procedures* (Siri 5) | 7 Julai 2021 | 7 |
| 8 | *Understanding Corporate Liability Provision & Establishing The Adequate Procedures* (Siri 6) | 4 Ogos 2021 | 8 |
| 9 | DTRT (Siri 2) | 18 Ogos 2021 | 55 |
| 10 | E&I (siri 1) | 1 September 21 | 10 |
| 11 | *Understanding Corporate Liability Provision & Establishing The Adequate Procedures* (Siri 7) | 22 September 2021 | 12 |

## PROGRAM CERAMAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH

| Bil. | Syarikat | Kerajaan/ Swasta | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | MIDA | Integriti dan Anda | 7 April 2021 |
| 2 | MBSA | Program Pengukuhan Integriti | 12 April 2021 |
| 3 | Board of Engineers Malaysia | Taklimat Kesedaran mengenai Pelan Antirasuah Nasional & ISO 37001 - Sistem Pengurusan Anti-Rasuah | 21 Jun 2021 |
| 4 | Lembaga Farmasi Malaysia | Integriti Dalam Pelaksanaan Tugas | 22 Jun 2021 |
| 5 | MPC | Taklimat Kesedaran Integriti berkaitan Dilema Etika dalam Pekerjaan | 24 Jun 2021 |
| 6 | PETRONAS | *Integrity In Me* (IIM) | 24 Jun 2021 |
| 7 | Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran (PKP) Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) | Integriti dan Antirasuah Yang Berkesan Secara Dalam Talian | 13 Julai 2021 |
| 8 | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia | Pengurusan Integriti dan Keselamatan | 14 Julai 2021 |
| 9 | Universiti Malaysia Kelantan | Kepimpinan Berintegriti | 15 Julai 2021 |
| 10 | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia | Pembudayaan Integriti | 16 Julai 2021 |
| 11 | PETRONAS | *Integrity in Me* | 15, 29 Julai 2021 & 12, 26 Ogos 2021 |
| 12 | Program Penasihat Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) | Pembudayaan Integriti, Kepentingan budaya integriti dalam pengurusan Kewangan | 3 Ogos 2021 |
| 13 | Universiti Sultan Azlan Shah | Pandemik COVID-19 “Integriti Kerja” | 5 Ogos 2021 |
| 14 | Institut Koresional Malaysia | Pembudayaan Integriti | 16 Julai 2021 |
| 15 | Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia | "Bukan Duduk Rehat (BDR) - Refleksi Integriti Diri" | 9 Ogos 2021 |
| 16 | Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) | Pengurusan Waktu Dalam Situasi Pandemik - Bekerja Dari Rumah | 25 Ogos 2021 |
| 17 | Universiti Sains Islam Malaysia | Pengurusan Integriti dan Keselamatan | 24 Ogos 2021 |

| Bil. | Syarikat | Kerajaan/ Swasta | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 18 | Institut Pengurusan Kesihatan | *Integrity and Accountability in Financial Management* | 9 September 2021 |
| 19 | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia | PROGRAM BICARA INTEGRITI (Tajuk: Integriti & Ancaman Patriotisme) | 26 Ogos 2021 |
| 20 | Maktab Pertahanan Angkatan Tentera | *Corporate Governance* | 14 Jun 2021 |
| 21 | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) | Kebertanggungjawaban Dalam Melaksanakan Kerja | 11 & 12 Ogos 2021 |
| 22 | Taman Pertanian Universiti, Universiti Putra Malaysia | Merdeka Jiwa: Usah Mengalah Kejar Al-Falah | 30 Ogos 2021 |
| 23 | Jabatan Arah Kor Angkatan Angkatan Tentera (KAGAT), Markas Angkatan Tentera Malaysia | Integriti dan Tadbir Urus Terbaik | 2 September 2021 |
| 24 | Majlis Guru Kaunseling Selangor | KOLOKIUM PEMBUDAYAAN INTEGRITI: Pembudayaan Integriti "Peranan dan Tanggungjawab Pelajar" | 8 September 2021 |
| 25 | Kementerian Perpaduan Negara | PROGRAM COVID-19 KESEDARAN & KEPENTINGAN SEMASA PANDEMIK: Cabaran Memelihara Integriti Diri Semasa Pandemik COVID-19 | 17 September 2021 |
| 26 | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | i) Etika dan Integriti Sepanjang Bekerja Dari Rumah<br>ii) Pandemik COVID-19 (Integriti Bekerja Dari Rumah) | 22 September 2021 & 7 Oktober 2021 |
| 27 | Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) | HARI INTEGRITI MPKj 2021 - Pembudayaan Etika & Integriti Dalam Mendepani Norma Baharu Covid19: Isu & Cabaran | 5 November 2021 |

| Bil. | Syarikat | Kerajaan/ Swasta | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 28 | Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) | HARI INTEGRITI NASIONAL 2021 - Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia: Memperkasakan Integriti & Antirasuah | 8 November 2021 |
| 29 | Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) | CERAMAH INTEGRITI BULANAN (CIB) - Etika & Integriti | 11 November 2021 |
| 30 | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan | HARI INTEGRITI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN 2021 - Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia | 12 November 2021 |
| 31 | SMK (P) Sri Aman, Petaling Jaya | CERAMAH INTEGRITI: Pembudayaan Integriti Santuni Sekolahku | 17 November 2021 |
| 32 | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) | HARI INTEGRITI MAIWP 2021 - Integriti Pekhidmat MAIWP (Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia) | 23 November 2021 |
| 33 | Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) | PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) - (Tajuk Ceramah: Pengurusan Keselamatan & Integriti - Isu Integriti) | 23 November 2021 |
| 34 | Kolej Poly-Tech MARA, Bangi (KPTM) | PROGRAM INTEGRITI KPTM - Mahasiswa Berintegriti Tinggi Kukuh Jati Diri | 30 November 2021 |
| 35 | Perhubungan ANGKASA Negeri Perlis | Sejauh Mana Integriti Pemimpin Koperasi di Dalam Koperasi? | 25 November 2021 |




Program-program Latihan yang dilaksanakan secara virtual pada tahun 2021









Program Latihan *Do The Right Thing* secara fizikal bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

# SEKSYEN **PEMASARAN DAN KOMUNIKASI KORPORAT (SPKK)**

Seksyen Pemasaran dan Komunikasi Korporat (SPKK) bertanggungjawab dalam hal ehwal perhubungan awam, pemasaran dan komunikasi dalaman dan luaran IIM. Ini termasuk hubungan media dan pelaksanaan program-program khas bagi mewujudkan rangkaian yang strategik di dalam negara, serantau dan antarabangsa serta pengiktirafan di peringkat global. Pelbagai program dan aktiviti telah digerakkan sepanjang tahun 2021 bagi mencapai matlamat yang disasarkan.







Gambar-gambar kunjungan hormat dan lawatan

### Aktiviti Pemasaran dan Promosi Pameran

Pada tahun 2021, SPKK telah merancang untuk menggunakan lebih banyak pendekatan promosi secara turun padang iaitu melalui promosi melalui ruang pameran. Sejak pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019, IIM telah menerima banyak jemputan untuk menyertai pameran bagi mempromosikan maklumat mengenai NACP dan juga produk serta instrumen IIM ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Namun, pandemik COVID-19 yang melanda negara sedikit sebanyak telah membataskan aktiviti promosi dan pameran secara bersemuka dengan agensi luar. SPKK telah mengambil inisiatif mengadakan kunjungan hormat dan *virtual marketing engagement* bersama beberapa agensi luar bagi memastikan sasaran tahunan dicapai dengan jayanya.






Kunjungan hormat dan *virtual marketing engagement* yang telah dijayakan sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama Syarikat/ Agensi | Produk | Tarikh | Kaedah |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Jabatan Kastam Diraja Negeri Johor | Program Latihan | 1 Mac 2021 | Kunjungan Hormat |
| 2. | Yayasan Warisan Johor | IIP | 1 Mac 2021 | Kunjungan Hormat |
| 3. | Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor Darul Takzim | OACP | 1 Mac 2021 | Kunjungan Hormat |
| 4. | Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kuala Lumpur | IIP | 2 Mac 2021 | Kunjungan Hormat |
| 5. | Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang | OACP | 6 April 2021 | *Virtual Marketing Engagement* |
| 6. | Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTGPP) | OACP | 7 April 2021 | *Virtual Marketing Engagement* |
| 7. | Penang Green Council | OACP | 1 Mac 2021 | *Virtual Marketing Engagement* |
| 8. | Alam Flora Sdn Bhd | OACP | 24 Jun 2021 | *Virtual Marketing Engagement* |
| 9. | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) | IIP | 12 Oktober 2021 | Kunjungan Hormat |

## Penambahbaikan Bahan Edaran Produk dan Perkhidmatan IIM

SPKK juga telah melaksanakan penambahbaikan bahan edaran produk dan perkhidmatan IIM untuk melancarkan aktiviti pemasaran dan promosi kepada agensi-agensi/ syarikat-syarikat yang disasarkan.

Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah:
i. Perubahan rekabentuk grafik secara keseluruhan dengan imej korporat serta selari dengan hala tuju Pelan Perniagaan IIM 2022.
ii. Kemas kini maklumat bagi memastikan klien/ prospek perolehi maklumat terkini yang juga boleh dimuat turun di laman web rasmi IIM.
iii. Pembangunan bahan edaran seperti risalah dan poster dalam dwi-bahasa
iv. Pembangunan kalendar program latihan IIM 2021 dengan rekabentuk grafik yang lebih menarik yang juga boleh dimuat turun di laman web rasmi IIM.



## Slot promosi dan liputan media

SPKK telah menjayakan penerbitan artikel secara berkala dan mempromosi inisiatif anti-rasuah, governans serta pembudayaan integriti dalam saluran media utama. Antara slot promosi dan liputan media sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

| Bil. | Saluran/Media | Tajuk | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Sinar Harian | Rasuah penjawat awam cemari institusi kerajaan | 18 Januari 2021 |
| 2 | Sinar Harian | Kepimpinan melalui teladan | 9 Februari 2021 |
| 3 | Utusan Malaysia | Pencapaian ini tak semudah ABC | 11 Februari 2021 |
| 4 | Utusan Malaysia | ABMS tingkat keyakinan klien | 4 Mac 2021 |
| 5 | Sinar Harian (Rasuah Busters) | Ketekunan wajar bantu elak rasuah | 16 Mac 2021 |
| 6 | Utusan Malaysia | Perasuah semakin bijak, canggih | 5 Mei 2021 |
| 7 | Berita Harian | Pendekatan lebih sistematik bendung rasuah secara holistik | 5 Mei 2021 |
| 8 | Berita Harian | Perkukuh integriti dalam semangat jiwa merdeka | 31 Ogos 2021 |
| 9 | Berita Harian | Pandemik COVID-19 mencabar etika, nilai integriti individu | 24 September 2021 |
| 10 | Utusan Malaysia | Junjung Keluarga Malaysia | 7 November 2021 |
| 11 | Utusan Malaysia | Bukan semua suka ditegur | 29 November 2021 |
| 12 | Utusan Malaysia | Biarlah dikenali kerana integriti | 9 Disember 2021 |

# TEMU BUAL DAN **WAWANCARA**

| Bil. | Saluran/Media | Tajuk | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Selamat Pagi Malaysia (RTM) | Membanteras Rasuah Melalui Pengurusan yang Sistematik | 4 Mac 2021 |
| 2 | Agenda Awani | Dialog Hari Wanita Sedunia 2021 | 8 Mac 2021 |
| 3 | Dialog Tiga Penjuru (Astro Awani) | Kapten GLC, Orang Korporat atau Orang Politik | 3 Jun 2021 |
| 4 | Agenda Awani | Membina Integriti Pemimpin Masa Depan | 17 September 2021 |
| 5 | Astro Awani | Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) | 25 Oktober 2021 |
| 6 | Bicara Khas (RTM) | Integriti dan Pilihanraya | 15 November 2021 |
| 7 | Koresponden Bernama | Hari Antirasuah Antarabangsa 2021 | 9 Disember 2021 |
| 8 | Koresponden Bernama | Inisiatif Antirasuah Dalam Pemantapan Integriti Dan Tadbir Urus | 29 Disember 2021 |










astro GO
astro AWANI
Anugerah Integriti, Governans dan
Anti Rasuah Tahun 2020 (AIGA 2020)
NOR'AFIZA SAIM
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM)
DATUK MAHMUD MOHD NAWAWI
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang
AWANI PAGI
ISNIN • 25 OKT 2021 • 8.30 PAGI
Tonton di Saluran 501 | Live TV – astroawani.com & Aplikasi Astro AWANI


AGENDA AWANI
MEMBINA INTEGRITI PEMIMPIN MASA DEPAN
DATUK WIRA DR. ISMAIL IBRAHIM
Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM)
LIM SAN SHIEN
Presiden Persatuan Pemimpin Muda UM & Ikon Siswa Kepimpinan Negeri Johor
JUMAAT• 17 SEPT 2021 • 9.00 MLM
Tonton di Saluran 501 | Live TV - astroawani.com & Aplikasi Astro AWANI
astro GO
astro AWANI


DIALOG TIGA PENJURU
EPISOD 9:
KAPTEN GLC, ORANG KORPORAT ATAU ORANG POLITIK?
DATUK SERI AKHBAR SATAR
Presiden Persatuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Malaysia
NOR'AFIZA SAIM
CEO, Institut Integriti Malaysia
THOMAS FANN
Pengerusi Bersih 2.0
KHAMIS • 3 JUN 2021 • 8.30 MLM
Tonton di Saluran 501 | Live TV - astroawani.com & Aplikasi Astro AWANI
astro AWANI


MEMBANTERAS RASUAH MELALUI PENGURUSAN YANG SISTEMATIK
BERSAMA
NOR'AFIZA SAIM
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)
spm
Selamat Pagi Malaysia
KHAMIS, 4 MAC 2021
8:00 - 10:00 PAGI
tv1
BERITA
SALURAN 123
Freeview
SALURAN 123
LIVE
selamatpagimalaysia
#nadiseripagi
#rtmmobile


astro AWANI
DIALOG
HARI WANITA SEDUNIA 2021
#choosetochallenge
NOR'AFIZA SAIM
Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM)
YB JAMALIAH JAMALUDDIN
ADUN Bandar Utama
YB HANIZA TALHA
ADUN Lembah Jaya
TRICIA YEOH
Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS
AGENDA AWANI
ISNIN
8 MAC 2021 | 8:30 MLM
Tonton di Saluran 501 Astro AWANI
dan www.astroawani.com

# KERATAN AKHBAR



## Utusan Malaysia



UTUSAN MALAYSIA KHAMIS • 4 MAC 2021 | 15

Rencana

# ABMS tingkat keyakinan klien

NOR'AFIZA SAIM

HARI ini, genap 17 tahun penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM), ditubuhkan pada 2004 bertujuan melaksanakan Pelan Integriti Nasional (PIN), kini diganti dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) sebagai pelan pelengkap PIN. Sehingga hari ini, IIM terus komited membangunkan kompetensi dan kapasiti semua sektor awam dan swasta terutama dalam aspek governans, integriti dan antirasuah. Bertemakan *Membanteras Rasuah Melalui Pengurusan Yang Sistematik*, ulang tahun ke-17 ini bukan sekadar memperingati tarikh penubuhan tetapi lebih kepada meningkatkan kesedaran mengenai pendekatan berbeza dalam memerangi rasuah.

Tema ini diharapkan dapat memberikan mesej bahawa kini sudah tiba masanya semua agensi kerajaan mahupun swasta menggunakan kaedah lebih sistematik, komprehensif dan inklusif dengan mengaplikasikan kepenggunaan sistem aplikasi ...



PENCEGAHAN

EFEKTIF



UTUSAN MALAYSIA RABU • 5 MEI 2021 | 15

Rencana

# Perasuah semakin bijak, canggih

NOR'AFIZA SAIM

"Pendekatan lama atau biasa sudah tidak memadai dan boleh dibaca oleh perasuah-perasuah di luar sana."



KOMBINASI OACP, ABMS

KPI

## Utusan Malaysia

**Berita Harian**



MukaSepuluh

# Pendekatan lebih sistematik bendung rasuah secara holistik

Oleh Nor'afiza Saim

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM)



Pilihan Raya Negeri Melaka

# Calon perlu ada integriti tinggi



NASIONAL

# Kepimpinan melalui teladan

PERSPEKTIF

**Berita Harian** **Sinar Harian**

## Berita Harian

16 | UTUSAN MALAYSIA | **Rencana**

# Pencapaian ini tak semudah ABC

MOHD. ZUKI ALI






"Pencapaian ini adalah satu permulaan dan bukanlah satu tiket untuk IIM berasa selesa dan mendabik dada."

SKEPTIKAL

## Sinar Harian

rasuah busters

# Rasuah penjawat awam cemari institusi kerajaan

46.3 peratus daripada 4,860 individu ditahan kerana kesalahan rasuah adalah penjawat awam

KUALA LUMPUR





HAMDYE SHAM



ADNAN



Peringkat siasatan

Pembetulan

## Berita Harian

# Letakkan integriti teras jayakan RMK-12

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mahu semua pihak untuk bersama-sama menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dengan meletakkan integriti sebagai asas dan mengelakkan sebarang konflik berkepentingan peribadi demi Keluarga Malaysia.

Perdana Menteri, berkata secara asasnya, kesemua matlamat serta perancangan yang digariskan dalam RMK-12 hanya boleh dicapai jika integriti dijadikan teras utama.

"Tanpa integriti, kita tidak melakukan sesuatu dengan betul. Tanpa integriti, kita tidak akan jujur.

"Tanpa integriti, pihak yang diamanahkan untuk melaksanakan program atau projek tertentu dalam RMK-12 akan bertindak sambil lewa, mempunyai kepentingan peribadi, salah guna kuasa, penyelewengan, rasuah dan akibatnya akan berlaku ketirisan yang akhirnya mendatangkan kerugian kepada kita Keluarga Malaysia.

"Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak yang berkaitan untuk bersama-sama menjayakan RMK-12 ini dengan meletakkan integriti sebagai asas dan mengelakkan sebarang konflik berkepentingan peribadi demi keluarga kita, Keluarga Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam teks ucapan Majlis Perasmian Penutup Konvensyen Integriti Nasional 2021 (KIN 2021) yang dibacakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, di sini, semalam.

KIN2021 bertemakan 'Integriti Keluarga Malaysia dalam Menghadapi Endemik' adalah program utama berimpak tinggi oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) yang dianjurkan pada setiap tahun bersempena sambutan Hari Integriti Nasional pada 5 November setiap tahun, bermula 2005.

Sementara itu, Perdana Menteri, berkata dalam RMK-12, sasaran Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia pada 2025 adalah untuk berada dalam kelompok 30 negara terbaik.

Beliau berkata, untuk mencapai sasaran itu usaha penyematan nilai murni dan integriti juga patut diperluas dan diperkukuhkan dengan menjadikan integriti sebagai agenda Keluarga Malaysia.

Katanya, negara yang berada pada kedudukan yang teratas dalam CPI yang dikeluarkan oleh Transparency International seperti New Zealand, Denmark dan Finland didapati berjaya memerangi rasuah kerana penyemaian nilai murni dan integriti dalam kalangan rakyat mereka bermula dari rumah sebagai institusi pendidikan pertama.

"Usaha mereka ini jika dikaji mengambil masa yang lama dan gerakan ini perlulah satu komitmen dan gerakan yang menyeluruh.

"Dalam RMK-12, sasaran CPI Malaysia pada 2025 adalah untuk berada dalam kelompok 30 negara terbaik," katanya.

Ismail Sabri juga berkata integriti bukan hanya berkaitan rasuah semata-mata namun turut merujuk kepada pengamalan nilai murni secara menyeluruh dan berkesan.

Tegasnya, hanya masyarakat yang mempunyai serta mengamalkan nilai murni mampu mewujudkan sebuah masyarakat yang bebas rasuah dan bebas daripada perbuatan yang melanggar etika.

"Analoginya mudah, sebuah keluarga yang mempunyai dan mengamalkan nilai murni dan integriti yang tinggi, tentulah kebarangkalian untuk ahli keluarga berkenaan terbabit dengan isu yang berkaitan dengan pelanggaran integriti, rasuah atau sebarang kes jenayah pada masa hadapan adalah amat rendah ataupun sangat tipis," katanya.

### Ibadat&Fadilat

*Ka'ab Ibnu 'Ujrah meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Ada suatu amal setiap sesudah solat wajib yang tidak akan merugikan orang mengamalkannya, iaitu tasbih 33 kali; tahmid 33 kali dan takbir 34 kali." (HR Muslim)*

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|
| Kangar | 5:56 | 1:05 | 4:26 | 6:59 | 8:11 |
| Alor Setar | 5:56 | 1:05 | 4:26 | 7:00 | 8:12 |
| P. Pinang | 5:55 | 1:05 | 4:26 | 7:01 | 8:13 |
| Ipoh | 5:52 | 1:03 | 4:24 | 6:59 | 8:11 |
| Kuala Lumpur | 5:48 | 1:00 | 4:21 | 6:58 | 8:10 |
| Shah Alam | 5:48 | 1:00 | 4:21 | 6:58 | 8:10 |
| Johor Bahru | 5:37 | 12:51 | 4:12 | 6:52 | 8:04 |
| Kuantan | 5:42 | 12:54 | 4:15 | 6:53 | 8:05 |
| Seremban | 5:45 | 12:58 | 4:20 | 6:58 | 8:09 |
| Bandar Melaka | 5:44 | 12:58 | 4:19 | 6:57 | 8:09 |
| Kota Bharu | 5:48 | 12:58 | 4:18 | 6:53 | 8:00 |
| K. Terengganu | 5:44 | 12:54 | 4:15 | 6:49 | 8:01 |
| Kota Kinabalu | 4:53 | 12:03 | 3:24 | 5:59 | 7:11 |
| Kuching | 5:12 | 12:26 | 3:48 | 6:27 | 7:38 |

Berita Harian

Sinar Harian

# PROGRAM & AKTIVITI DI PERINGKAT IIM

## FORUM SEMPENA HARI WANITA DAN ULANG TAHUN KE-17 IIM

Forum bersempena Hari Wanita Sedunia 2021 dengan tema “Wanita Bangkit Mendepani Cabaran” dianjurkan pada 12 Mac 2021 untuk meraikan para wanita di IIM.

Tema sambutan Hari Wanita pada tahun ini yang dipilih “Wanita Bangkit Mendepani Cabaran” adalah bertepatan dengan situasi kita yang masih berdepan dengan cabaran wabak COVID-19 semenjak lebih setahun yang lalu. Tema ini juga mengangkat semangat juang wanita yang tidak mengenal penat lelah dalam mengharungi cabaran kehidupan. Ahli panel terdiri daripada Puan Norafiza Saim (KPE IIM), Encik Mohd Salihin Othman (Ahli IIM) dan Puan Hajah Zarinah Mohd Yusof (Felo Akademik Institut Perbankan dan Kewangan Islam UIA). Manakala Dr. Daleleer Kaur Randawar (Prof. Madya, Fakulti Undang-undang UITM) bertindak sebagai moderator.










## FORUM ISU DAN CABARAN AUDIT DALAM

IIM menganjurkan forum berkaitan isu dan cabaran audit dalam bagi membolehkan semua warga IIM mengetahui isu-isu semasa berkaitan audit dalam dan memahami kepentingan aktiviti audit dalam di IIM. Forum ini dijayakan pada 8 April 2021.

Menerusi forum ini juga, warga kerja IIM dapat memahami cabaran yang dihadapi oleh SAD dan pihak yang diaudit. Selain itu, warga IIM turut berpeluang mengajukan apa jua persoalan dan kekeliruan mengenai aktiviti audit dalam kepada barisan ahli panel.

Forum ini adalah anjuran bersama SAD dan Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (SPSM). Turut bekerjasama dalam program ini ialah Seksyen Pemasaran dan Komunikasi Korporat (SPKK).

Barisan Ahli Panel adalah Dr. Mohamad Fauzi Mohamad Saruman (Ketua Audit Dalam KPDNHEP), Encik Eizam Izeimi Arbak (Ketua Juru Audit Dalaman Kumpulan, UDA Holdings Berhad) dan Puan Nooranita Dain (Timbalan Pengarah, Sektor Audit Syarikat Kerajaan, Jabatan Audit Negara). Manakala Encik Sureson a/l Krisnasamy (Ahli Lembaga Pengarah IIM) bertindak sebagai moderator.

Turut hadir sebagai Jemputan kehormat dan Jemputan Khas adalah YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Haji Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Risiko (JKAR) dan YBrs. Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif UDA Holdings Berhad.







## KOVENSYEN INTEGRITI NASIONAL 2021
## “INTEGRITI KELUARGA MALAYSIA DALAM MENGHADAPI ENDEMIK”














Hari Integriti Nasional disambut setiap tahun pada 5 November di seluruh negara dengan anjuran pelbagai program dan aktiviti bagi tujuan memantapkan pembudayaan nilai-nilai tadbir urus, integriti dan antirasuah. Tema sambutan Hari Integriti Nasional pada tahun 2021 adalah “Integriti Pemangkin Keluarga Malaysia.”

Pemilihan tema pada tahun ini adalah selari dengan konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob dalam ucapan sulung yang mana menekankan aspek asas keutuhan, kebersamaan dan kesepakatan negara yang terikat dengan nilai-nilai sempurna dalam sesebuah institusi keluarga serta sifatnya yang lebih inklusif dan merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum.

Sempena sambutan itu, IIM menganjurkan Konvensyen Integriti Nasional 2021 (KIN2021) dengan tema “Integriti Keluarga Malaysia dalam Menghadapi Endemik” pada 9 November 2021 di IIM.

Objektif utama KIN2021 adalah untuk menyediakan medium komunikasi perkongsian ilmu secara inklusif bagi membincangkan isu integriti dalam sistem pembangunan keluarga Malaysia dalam mendepani endemik. Pengisian Konvensyen ini adalah forum yang membincangkan “Integriti Keluarga Malaysia dalam Menghadapi Endemik: Cabaran dan Ketersediaan Kita” dan empat bengkel selari bertemakan Pendidikan, Kesihatan, Ekonomi dan Sosial berlangsung sepanjang Konvensyen berkenaan.

Lebih 140 peserta menghadiri konvensyen ini secara fizikal dan seramai 150 peserta yang lain menyertainya secara maya.

Di sesi pagi ucaptama disampaikan oleh YB Dato’ Dr. Haji Noor Azmi Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I, Kementerian Kesihatan Malaysia.

KIN2021 diakhiri dengan acara kemuncaknya iaitu pembentangan resolusi. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) YB Dato’ Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar menerima Resolusi Integriti dari wakil peserta Meor Ibrahim Othman, dalam Majlis Penutupan Konvensyen Integriti Malaysia 2021.

# PROGRAM **KHAS**

### ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH TAHUN 2020 (AIGA 2020) – PERINGKAT NEGERI PAHANG

Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) merupakan kesinambungan projek yang dijalankan pada tahun 2020. Projek ini merupakan kerjasama IIM bersama Yayasan Pahang dengan kolaborasi bersama beberapa agensi termasuklah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), SIRIM QAS Sdn. Bhd., Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG) dan juga The Malaysian Society For Occupational Safety And Health (MSOSH).

Oleh kerana disebabkan kekangan cabaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan bagi mengawal penularan virus COVID-19, perancangan AIGA 2020 telah dianjakkan ke tahun 2021. Walau bagaimanapun AIGA 2020 telah mencapai kemuncak penganjurannya melalui majlis penyampaian anugerah yang telah dilaksanakan pada 26 Oktober 2021. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Pahang Dato' Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Sejumlah 41 buah organisasi di seluruh Negeri Pahang telah menyertai AIGA 2020. Sebanyak 11 Organisasi telah berjaya merangkul Anugerah emas, 14 Perak dan 8 gangsa.





















## IIM Ketua Peneraju Inisiatif 6.2.4, Pelan Antirasuah Nasional (NACP)




Melalui semakan Laporan Semakan Semula Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah diterbitkan pada Jun 2021, terdapat beberapa penambahbaikan dan juga pembaharuan yang telah dimuatkan dalam NACP. Beberapa inisiatif baharu telah ditambah bagi menambahbaik *output* dan *outcome* NACP. Antara inisiatif baharu yang ditambah ialah melalui Bidang Keutamaan Tadbir Urus Korporat iaitu Strategi 6 : Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat. Inisiatif yang dimaksudkan ialah Inisiatif 6.2.4 iaitu Mempromosi, membangun dan menyediakan latihan bagi pelaksanaan Tatacara Mencukupi selaras dengan Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) oleh organisasi komersial.

IIM telah dilantik sebagai Ketua Peneraju inisiatif bersama beberapa agensi peneraju yang lain seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Peranan IIM bersama agensi peneraju yang lain adalah sebagai koordinator dan juga penggerak kepada inisiatif tersebut. Beberapa perancangan dan aktiviti telah diatur bagi melancarkan gerak kerja pelaksanaan inisiatif tersebut telah dijalankan sepanjang tahun 2021.

Dua (2) siri mesyuarat penyelarasan telah dijalankan dengan Agensi-agensi Peneraju Bersama pada 12 Ogos 2021 dan 16 Disember 2021. Tiga buah Jawatankuasa Kerja telah dibentuk iaitu Jawatankuasa Kerja Pengurusan Projek dan Pelaksanaan Latihan, Jawatankuasa Kerja Pemantauan, Pelaporan & Penilaian dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Modul Latihan. IIM selaku Ketua Peneraju melalui Mesyuarat Penyelarasan bersama Agensi Peneraju telah memohon Agensi-agensi Peneraju Bersama untuk memberikan maklum balas dalam bentuk format pelaporan berkenaan dengan senarai syarikat sama ada di bawah SSM, BURSA dan syarikat di bawah kelolaan negeri untuk penetapan output dan sasaran inisiatif pada awal suku pertama 2022.

Jawatankuasa peneraju inisiatif berhasrat untuk menjalankan inisiatif dalam dua (2) bentuk iaitu sasaran secara zon dan sasaran secara kriteria seperti modal berbayar syarikat, saiz organisasi, potensi risiko perniagaan dan syarikat yang pernah disabitkan kes rasuah. Penetapan output diharapkan dibuat pada awal suku pertama 2022.

Melalui mesyuarat Penyelarasan Bersama Agensi Peneraju Bil.2/2021, mesyuarat telah memutuskan bahawa sasaran dalam bentuk ouput inisiatif disasarkan kepada organisasi komersial yang berdaftar dengan SSM dan juga Bursa Malaysia dengan modal berbayar bermula dari RM 500,000.00 sehingga RM 1 juta memandangkan jumlah populasi organisasi komersial yang besar dan semua agensi peneraju merasakan ianya lebih realistik untuk dicapai. Namun jumlah sasaran dalam bentuk output masih belum diputuskan dan menunggu maklumat dari pihak SSM dan Bursa Malaysia.

Setakat 31 Disember 2021, maklumat latihan dan promosi berkaitan Tatacara Mencukupi dan pemahaman mengenai Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) adalah sebanyak 60 sesi latihan merangkumi 2682 orang peserta. Data ini hanya melibatkan sesi latihan dan promosi yang dijalankan oleh IIM, SSM dan SC sahaja. Pihak sekretariat utama masih mengumpul maklumat program latihan dan promosi yang telah dijalankan oleh semua agensi peneraju termasuk di peringkat negeri untuk dikumpulkan sebagai data pelaksanaan inisiatif.

Pihak IIM, SSM dan TI-M telah mempunyai modul latihan bagi Tatacara Mencukupi dan Pemahaman mengenai Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan modul tersebut telah digunapakai dalam latihan yang dijalankan oleh agensi masing-masing. Secara kolektifnya semua agensi peneraju bersetuju untuk mewujudkan satu Modul Latihan yang Standard untuk digunakan sebagai asas latihan berkaitan Seksyen 17A dan Tatacara Mencukupi di seluruh negara. Modul tersebut bakal disiapkan pada Suku Pertama 2022. IIM juga telah memanjangkan pelaporan perlaksanaan inisiatif bagi setiap suku tahunan kepada Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC).

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**
No. Pendaftaran: 200401005949 (644452-P)
(Diperbadankan di Malaysia)

# LAPORAN PENGARAH & PENYATA KEWANGAN DIAUDIT

## 31 DISEMBER 2021


MAKLUMAT KORPORAT 81
LAPORAN PARA PENGARAH 82
KENYATAAN PARA PENGARAH 86
AKUAN BERKANUN 86
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS 87
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN 90
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF 91
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI 92
PENYATA ALIRAN TUNAI 93
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 95




# MAKLUMAT KORPORAT

| | |
|---|---|
| **PARA PENGARAH** | : TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI<br>TAN SRI DR. ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM<br>TAN SRI DATUK DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI<br>DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN<br>DATO' SOLLEHUDDIN ALYUBI BIN ZAKARIA<br>DATO' YEOW WAH CHIN<br>SURESON A/L KRISNASAMY<br>DATUK SERI MOHD SALLEHHUDDIN BIN HASSAN<br>DATO' SRI AKHBAR BIN ABDUL SATA @ SATAR |
| **SETIAUSAHA SYARIKAT** | : NORLIANA BINTI ALI AKBAR<br>(MIA 31905) |
| **PEJABAT BERDAFTAR** | : MENARA INTEGRITI<br>PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN<br>OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM<br>50480 KUALA LUMPUR |
| **TEMPAT PERNIAGAAN UTAMA** | : MENARA INTEGRITI<br>PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN<br>OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM<br>50480 KUALA LUMPUR |
| **JURUAUDIT** | : AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT<br>201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522<br>AKAUNTAN BERTAULIAH<br>NO. 555, JALAN SAMUDRA UTARA 1<br>TAMAN SAMUDRA<br>68100 BATU CAVES<br>SELANGOR DARUL EHSAN |

# LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka beserta dengan penyata kewangan Institut yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

## AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Institut adalah untuk melaksanakan strategi, kempen dan program untuk menepati aspirasi kebangsaan, objektif dan matlamat berkaitan dengan integriti, anti-rasuah dan tadbir urus baik.

Tiada perubahan ketara berlaku kepada aktiviti utama Institut dalam tahun kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

| | RM |
|---|---|
| Lebihan bagi tahun kewangan | 495,499 |

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Institut bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan seperti yang didedahkan dalam penyata kewangan.

## DIVIDEN

Merujuk kepada Seksyen 45(2)(b), Akta Syarikat 2016, sesebuah syarikat berhad berasaskan jaminan yang ditubuhkan dengan tujuan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat adalah dilarang untuk membayar sebarang dividen kepada ahli-ahlinya.

## PARA PENGARAH

Para Pengarah yang berkhidmat semenjak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:

Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali
Tan Sri Dr. Ismail Bin Haji Ibrahim
Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Bin Ali
Datuk Wan Saifulruddin Bin Wan Jan
Dato' Sollehuddin Alyubi Bin Zakaria
Dato' Yeow Wah Chin
Sureson A/L Krisnasamy
Datuk Seri Mohd Sallehhuddin Bin Hassan (Bermula pada 21.9.2021)
Dato' Sri Akhbar Bin Abdul Sata @ Satar (Bermula pada 28.10.2021)

### MANFAAT PARA PENGARAH

Sama ada pada akhir tahun kewangan, mahupun pada bila-bila masa sepanjang tahun tersebut, tidak wujud sebarang pengaturan di mana Institut menjadi pihak di mana para pengarah Institut mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Institut atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh para pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap seorang pekerja sepenuh masa Institut) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Institut atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

### IMBUHAN PARA PENGARAH

Amaun imbuhan para pengarah Institut terdiri daripada imbuhan yang diterima atau belum terima dari Institut dalam tempoh seperti berikut:

| | **2021**<br>**RM** |
|---|---|
| Elaun para pengarah | **161,500** |

Tiada pengarah atau pengarah terdahulu Institut telah menerima apa-apa faedah lain atau selain daripada tunai dari Institut sepanjang tahun semasa.

Tiada bayaran telah dibayar kepada atau diterima daripada mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Institut oleh para pengarah atau pengarah terdahulu Institut sepanjang tahun semasa.

### GANTI RUGI PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada ganti rugi yang diberikan atau premium insurans yang dibayar, sepanjang atau sejak akhir tahun, bagi mana-mana individu yang sedang atau pernah menjadi pengarah, pegawai audit Institut.

### LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan Institut disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

(i) memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi kerugian kredit dijangka dan berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk yang telah dihapuskira dan tiada peruntukan yang telah dibuat bagi kerugian kredit dijangka; dan

(ii) memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasi mengikut nilai yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh direalisasi.

# LAPORAN PARA PENGARAH

## LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:

(i) sebarang jumlah yang perlu dihapuskira sebagai hutang lapuk atau perlu memperuntukkan kerugian kredit dijangka di dalam penyata kewangan Institut; dan

(ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Institut mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Institut mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Institut yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Institut yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau

(ii) sebarang liabiliti luarjangka Institut yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para pengarah:

(i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti-liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Institut untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya; dan

(ii) tiada butiran, urusniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin memberi kesan yang besar ke atas keputusan operasi Institut bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

## PERISTIWA SUSULAN PENTING SELEPAS AKHIR TAHUN KEWANGAN

Peristiwa susulan penting selepas akhir tahun kewangan seperti yang dinyatakan dalam Nota 19 kepada penyata kewangan.

## JURUAUDIT DAN YURAN JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT, telah menyatakan kesanggupan untuk menerima perlantikan semula sebagai Juruaudit.

Yuran juruaudit seperti yang dinyatakan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 18 April 2022.

**TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI**
Pengarah

**TAN SRI DR. ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM**
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

# KENYATAAN PARA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 251 (2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, **TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI** dan **TAN SRI DR. ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM**, dua daripada para pengarah **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan ini memaklumkan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan telah disediakan dengan sewajarnya mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 untuk memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada 31 Disember 2021 dan hasil operasi dan aliran tunai Institut bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 18 April 2022.

**TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI**
Pengarah

**TAN SRI DR. ISMAIL BIN HAJI IBRAHIM**
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

# AKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 251 (1) AKTA SYARIKAT 2016

Saya, **NORLIANA BINTI ALI AKBAR**, sebagai pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan adalah, pada sebaik–baik pengetahuan dan kepercayaan saya, benar dan membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan mengenai kebenarannya serta menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )
penama di atas di ***Kuala Lumpur*** )
dalam negeri ***Wilayah Persekutuan*** )
***Kuala Lumpur***
pada 18 April 2022 )

**NORLIANA BINTI ALI AKBAR**

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W791
MOHAMMED AZWAN BIN MD ARIF
BC/M/1441
01.01.2020-31.12.2022
MALAYSIA
B-1-2A Jalan 12/144A
Taman Bukit Cheras
56000 Kuala Lumpur

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (Diperbadankan di Malaysia)

## LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Institut pada **31 Disember 2021**, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam entiti dan penyata aliran tunai Institut bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata, serta satu ringkasan dasar perakaunan penting dan maklumat lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 90 hingga 109.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada **31 Disember 2021** dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

### Asas bagi pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian itu adalah dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

### Kebebasan dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami bebas daripada Institut mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan untuk Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

### Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para pengarah bertanggungjawab untuk maklumat yang lain yang terdiri daripada Laporan para pengarah dan Kenyataan para pengarah tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit mengenainya. Pendapat kami ke atas penyata kewangan Institut tidak termasuk maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan itu, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dengan mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara material dengan penyata kewangan Institut atau pengetahuan yang kami perolehi dalam audit atau jika tidak, nampak tersalah nyata secara ketara.

**Tanggungjawab para pengarah ke atas Penyata Kewangan**

Para pengarah bertanggungjawab untuk penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia, dan untuk kawalan dalaman yang, para pengarah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan, para pengarah adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika pengarah sama ada berniat untuk membubarkan Institut atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut.

- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para pengarah.

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (Diperbadankan di Malaysia)

**Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (Samb.)**

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan yang digunakan oleh para pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Institut untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahkan pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Institut berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Institut, termasuk pendedahan, sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga asas dan peristiwa yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para pengarah, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami mengenal pasti sepanjang pengauditan kami.

**Hal-Hal Lain**

Laporan ini disediakan semata-mata kepada ahli-ahli Institut, selaras dengan Seksyen 266, Akta Syarikat 2016 dan Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

**AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT**
201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF1522
AKAUNTAN BERTAULIAH

**AIZUL IZUAN BIN ABDUL HAMID**
NO. 03509/07/2022 J
AKAUNTAN BERTAULIAH

Tarikh: 18 April 2022

Selangor, Malaysia

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 3 | **1,714,409** | 1,752,736 |
| | | **1,714,409** | 1,752,736 |
| **Aset Semasa** | | | |
| Penghutang dagangan dan penghutang pelbagai | 4 | **539,295** | 406,770 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 5 | **10,676,757** | 20,162,263 |
| Lain-lain pelaburan | 6 | **22,202,875** | 9,067,373 |
| | | **33,418,927** | 29,636,406 |
| **Jumlah Aset** | | **35,133,336** | 31,389,142 |
| **Ekuiti dan Liabiliti** | | | |
| **Ekuiti** | | | |
| Dana terkumpul | | **10,854,668** | 10,359,169 |
| | | **10,854,668** | 10,359,169 |
| **Liabiliti** | | | |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Geran kerajaan | 7 | **23,966,855** | 20,757,256 |
| | | **23,966,855** | 20,757,256 |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pemiutang pelbagai | 8 | **288,040** | 237,684 |
| Liabiliti cukai semasa | | **23,773** | 35,033 |
| | | **311,813** | 272,717 |
| **Jumlah Liabiliti** | | **24,278,668** | 21,029,973 |
| **Jumlah Ekuiti dan Liabiliti** | | **35,133,336** | 31,389,142 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|---|
| Pendapatan | 9 | **2,228,534** | 1,080,535 |
| Kos langsung | 10 | **(3,556,262)** | (2,941,671) |
| Kerugian kasar | | **(1,327,728)** | (1,861,136) |
| Pendapatan operasi lain | 11 | **7,990,088** | 9,223,424 |
| Perbelanjaan pentadbiran | | **(5,975,080)** | (6,486,037) |
| Lebihan dana sebelum cukai | 12 | **687,280** | 876,251 |
| Cukai | 14 | **(191,781)** | (202,843) |
| Lebihan dana bersih selepas cukai | | **495,499** | 673,408 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

**31 Disember 2021**

| | Dana terkumpul RM | Jumlah RM |
|---|---|---|
| Pada 1 Januari 2021 | **10,359,169** | 10,359,169 |
| Lebihan dana bagi tahun kewangan | **495,499** | 495,499 |
| Pada 31 Disember 2021 | **10,854,668** | 10,854,668 |

**31 Disember 2020**

| | Dana terkumpul RM | Jumlah RM |
|---|---|---|
| Pada 1 Januari 2020 | **9,685,761** | 9,685,761 |
| Lebihan dana bagi tahun kewangan | **673,408** | 673,408 |
| Pada 31 Disember 2020 | **10,359,169** | 10,359,169 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi** | | | |
| Lebihan sebelum cukai | | **687,280** | 876,251 |
| Pelarasan bagi: | | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | | **527,408** | 502,155 |
| (-) pelarasan hartanah, loji dan peralatan | | **(18,343)** | - |
| Pelunasan geran perbelanjaan operasi | | **(6,772,535)** | (7,795,533) |
| Pelunasan geran perbelanjaan modal | | **(509,065)** | (502,155) |
| Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | **(270)** | (30,250) |
| Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja | | **(6,085,525)** | (6,949,532) |
| Peningkatan dalam penghutang dagangan dan penghutang pelbagai | | **(132,525)** | 133,584 |
| Peningkatan dalam pemiutang pelbagai | | **50,356** | 151,440 |
| Tunai yang digunakan untuk operasi | | **(6,167,694)** | (6,664,508) |
| Cukai dibayar | | **(203,040)** | (143,701) |
| Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti operasi | | **(6,370,734)** | (6,808,209) |
| **Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan** | | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | 15 | **(470,739)** | (1,183,152) |
| Terimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | **270** | 30,701 |
| Pembelian pelaburan | | **(13,135,502)** | (214,275) |
| Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan | | **(13,605,971)** | (1,366,726) |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan** | | | |
| Penerimaan geran daripada kerajaan | | **10,491,199** | 9,991,145 |
| Tunai bersih yang dijana daripada aktiviti pelaburan | | **10,491,199** | 9,991,145 |
| **(Pengurangan)/Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai** | | **(9,485,506)** | 1,816,210 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan** | | **20,162,263** | 18,346,053 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan** | | **10,676,757** | 20,162,263 |
| **Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:** | | | |
| Tunai di bank | | **1,092,725** | 725,366 |
| Tunai di tangan | | **5,000** | 5,000 |
| Deposit tetap berkonsep syari'ah | | **9,579,032** | 19,431,897 |
| | | **10,676,757** | 20,162,263 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Institut Integriti Malaysia (Institut) adalah sebuah syarikat berhad yang berasaskan jaminan, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar terletak di Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Aktiviti utama Institut adalah untuk melaksanakan strategi, kempen dan program untuk menepati aspirasi kebangsaan, objektif dan matlamat berkaitan dengan integriti, anti-rasuah dan tadbir urus baik.

Jumlah kakitangan Institut pada akhir tahun kewangan adalah 87 (2020: 84).

Tempat perniagaan utama terlatak di Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada tarikh 18 April 2022.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

### 2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Institut telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRSs"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRSs") dan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan Institut telah disediakan menggunakan asas kos sejarah kecuali instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

Penyata kewangan Institut dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

### 2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dasar-dasar perakaunan digunapakai secara berterusan dengan dasar-dasar daripada tahun kewangan sebelum kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2020, Institut telah menerima pakai Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan mandatori seperti berikut bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021:

| Tajuk | Efektif |
|---|---|
| Pindaan kepada MFRS 9: Instrumen Kewangan - Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2 | 1 Januari 2021 |
| Pindaan kepada MFRS 9: Instrumen Kewangan - Pengiktirafan dan Pengukuran | 1 Januari 2021 |
| Pindaan kepada MFRS 4: Kontrak Insurans Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2 | 1 Januari 2021 |

Penggunaan Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan di atas tidak memberi sebarang kesan yang ketara kepada penyata kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

### 2.3 Piawaian yang diterbitkan tetapi belum efektif

Pada tarikh kebenaran penyata kewangan ini, Piawaian, Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan berikut telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) tetapi belum diterima pakai oleh Institut:

| Tajuk | Efektif |
|---|---|
| Pindaan kepada MFRS 3: Kombinasi Perniagaan - (Rujukan kepada Kerangka Konsep) | 1 Januari 2022 |
| Pindaan kepada MFRS 101: Klasifikasi Liabiliti Sebagai Semasa Atau Bukan Semasa | 1 Januari 2022 |
| Pindaan kepada MFRS 116: Hartabenda dan peralatan – Penerusan Sebelum Penggunaan Dimaksudkan | 1 Januari 2022 |
| Pindaan kepada MFRS 17: Kontrak Insurans | 1 Januari 2022 |
| Pindaan kepada MFRS 9: Instrumen Kewangan - Peningkatan Tahunan kepada MFRS 2018 - 2020 | 1 Januari 2022 |

Pengaplikasian awal MFRS dan Pindaan kepada MFRS yang dinyatakan di atas dijangka tidak mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Institut.

### 2.4 Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai

Semua hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos berikutnya dimasukkan ke dalam nilai buku aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi di masa hadapan yang berkaitan dengan barangan tersebut akan mengalir kepada Institut ini dan kos barangan tersebut akan diukur dengan pasti. Amaun bawaan bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diambil kira ke dalam penyata pendapatan semasa tahun kewangan ia ditanggung.

Selepas diiktiraf, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Polisi bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah mengikut Nota 2.7.

Susut nilai dikira atas dasar garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat bergunanya, dan tiada susutnilai bagi kerja dalam proses. Kadar susut nilai bagi setiap kategori harta dan kelengkapan diringkaskan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Komputer | 33% |
| Perabot dan lengkapan | 20% |
| Kenderaan | 20% |
| Alatan pejabat | 20% |
| Buku-buku rujukan | 10% |
| Ubahsuai bangunan | 10% |
| Papan tanda | 10% |
| Alatan sukan | 20% |

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

### 2.4 Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai (Samb.)

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut.

Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan bahagian yang tidak digunakan daripada lebihan penilaian semula akan diiktiraf di dalam dana terkumpul.

### 2.5 Aset kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Institut menjadi salah satu pihak kepada syarat-syarat perjanjian instrumen kewangan. Apabila aset kewangan diiktiraf pada mulanya, ia dinyatakan pada nilai wajar, ditambah, dalam kes aset kewangan bukan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian, kos urusniaga langsung.

Institut menentukan klasifikasi aset kewangan mereka pada pengiktirafan permulaan. Aset kewangan dengan bayaran tetap atau bayaran yang boleh ditentukan yang mana tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai pinjaman dan penghutang dan diklasifikasikan sebagai aset semasa. Institut mengkelaskan semua aset kewangan sebagai pinjaman dan penghutang. Pinjaman dan penghutang milik Institut termasuk tunai dan kesetaraan tunai.

Pengiktirafan berikutnya, pinjaman dan penghutang dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf pada keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah balasan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

### 2.6 Rosotnilai aset kewangan

Pada setiap tarikh laporan, Institut menaksir sama ada terdapat bukti objektif yang sesuatu aset kewangan mengalami kerugian rosotnilai.

Penghutang yang telah ditaksir tidak dirosotnilai secara individu akan ditaksir kemudiannya untuk rosotnilai pada dasar bersama berasaskan sifat risiko yang sama. Bukti objektif rosotnilai untuk portfolio penghutang boleh termasuk pengalaman lepas Institut dalam pemungutan bayaran, tambahan dalam bilangan kelewatan bayaran yang melebihi tempoh kredit purata dan perubahan yang dapat dilihat dalam keadaan ekonomi.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

### 2.6 Rosotnilai aset kewangan (Samb.)

Jika sebarang bukti tersebut wujud, jumlah kerugian rosotnilai dinyatakan sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset kewangan yang asal. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

### 2.7 Rosotnilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh laporan, Institut menaksir sama ada terdapat petunjuk yang sesuatu aset mungkin mengalami kerugian rosotnilai. Jika terdapat sebarang petunjuk begitu, atau apabila taksiran rosotnilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Institut membuat anggaran jumlah yang boleh dipulih dari aset tersebut.

Jumlah yang boleh dipulih dari aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai wajar ditolak kos jualan dan nilai dalam kegunaan. Untuk menaksir kerugian rosotnilai, aset- aset dikumpulkan pada aras yang terendah di mana terdapat aliran tunai yang dapat dikenalpasti secara berasingan, unit janaan tunai (“UJT”). Untuk menaksir nilai dalam kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan perlu didiskaunkan kepada nilai kini dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko tertentu kepada aset tersebut.

Apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah yang boleh dipulih, aset tersebut akan dihapuskan kepada jumlah yang boleh dipulih. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi UJT atau kumpulan UJT diperuntukkan dengan mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada UJT atau kumpulan UJT dulu, dan kemudiannya dengan mengurangkan nilai dibawah aset-aset yang lain dalam unit atau kumpulan unit pada dasar pro-rata.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali untuk aset yang dahulunya dinilai semula di mana penilaian semula diambil ke pendapatan komprehensif yang lain. Jika begitu, rosotnilai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain sehingga jumlah sebarang penilaian dahulu. Penaksiran dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf mungkin tidak wujud lagi atau mungkin telah berkurangan.

Sesuatu kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf akan dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh dipulih bagi aset sejak kerugian rosotnilai yang terakhir diiktiraf. Jika begitu, nilai dibawa aset akan bertambah kepada jumlah boleh dipulih. Nilai tambahan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa yang akan ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi aset tersebut sebelumnya. Pembalikan kerugian rosotnilai tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada jumlah dinilai semula, di mana pembalikan tersebut dibuat melalui tambahan dalam penilaian semula. Kerugian rosotnilai muhibah tidak dibalikkan bagi tempoh seterusnya.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

### 2.8 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Institut menjadi pihak kepada peruntukan kontrak terhadap instrumen kewangan. Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut kandungan kontrak yang ditandatangani dan didefinisikan sebagai liabiliti kewangan.

Pada mulanya, pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang diiktiraf pada nilai wajar ditambah kos urusniaga yang berkaitan secara langsung dan selepasnya dinilai pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti telah dihapuskan dan perbezaan dari segi nilai dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

### 2.9 Geran kerajaan

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksama bilamana terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan telah dipatuhi.

Apabila geran dikaitkan kepada perbelanjaan, ianya dikenalpasti sebagai pendapatan pada tempoh yang diperlukan berdasarkan asas yang sistematik bagi menyesuaikan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dijangkakan untuk dibayar.

Bagi geran berkaitan aset, nilai setara dikreditkan ke akaun pendapatan tertunda dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang saksama.

### 2.10 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai di bank, di tangan dan pelaburan kecairan tinggi jangka pendek di mana risiko perubahan dalam nilai adalah rendah.

### 2.11 Manfaat pekerja

#### (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Institut. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketidakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

### 2.11 Manfaat pekerja (Samb.)

#### (ii) Pelan Caruman Tetap

Kumpulan ini mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan ("KWAP"), iaitu pelan caruman yang dikehendaki oleh undang-undang. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi apabila ia berlaku.

### 2.12 Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi bagi transaksi berkaitan akan mengalir ke dalam Institut dan amaun hasil boleh dinilai sewajarnya.

#### (i) Hasil sewaan

Hasil sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan.

#### (ii) Hasil daripada perkhidmatan

Hasil dari perkhidmatan diiktiraf pada dan semasa perkhidmatan diberikan.

#### (iii) Jualan barang

Hasil dari jualan barangan diiktiraf setelah diambil kira cukai jualan dan diskaun semasa berlakunya pindahan risiko dan ganjaran.

#### (iv) Hasil faedah

Hasil faedah terdiri daripada keuntungan pelaburan yang diiktiraf berdasarkan nisbah keuntungan dan jangka masa simpanan.

### 2.13 Cukai

Perbelanjaan cukai tahun semasa mengandungi cukai semasa dan juga cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah jangkaan perbelanjaan cukai yang berkaitan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan dikira mengikut kadar cukai yang telah digubalkan pada tarikh laporan ini.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga ke tahap di mana keuntungan boleh dicukai berkemungkinan untuk digunakan ke atas perbezaan sementara, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

### 2.13 Cukai (Samb.)

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali jika ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti di mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung dalam ekuiti.

### 2.14 Anggaran perakaunan dan pertimbangan penting

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan penggunaan anggaran perakauanan dan pertimbangan. Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman yang lepas, jangkaan munasabah kejadian masa hadapan dan faktor-faktor lain.

#### (a) Pertimbangan yang dibuat dalam menggunakan dasar perakaunan

Tiada pertimbangan yang kritikal dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses menerapkan dasar perakaunan Institut yang mempunyai kesan signifikan terhadap penyata kewangan.

#### (b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Sumber utama anggaran terhadap masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada akhir tahun kewangan, yang mempunyai risiko yang besar untuk menyebabkan pelarasan yang ketara kepada nilai bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan yang akan datang dibincangkan di bawah:

**Susutnilai hartanah, loji dan peralatan**

Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau satu lagi kaedah yang sistematik yang mencerminkan penggunaan manfaat ekonomi aset sepanjang jangka hayat. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susutnilai, jangka hayat dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan akhir sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

**Rosotnilai penghutang**

Institut menaksir pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang aset kewangan telah merosotnilai. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosotnilai, Institut menimbang faktor seperti kemungkinan menjadi muflis atau tekanan kewangan yang ketara yang dihadapi oleh penghutang dan kemungkiran atau kelewatan bayaran yang ketara.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Komputer RM | Perabot dan kelengkapan RM | Kenderaan RM | Alatan Pejabat RM | Buku-buku Rujukan RM | Ubahsuai RM | Papan Tanda RM | Alatan Sukan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Pada 31 Disember 2021** | | | | | | | | | |
| **Kos** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | 2,966,300 | 428,371 | 817,777 | 1,143,324 | 1,411,576 | 981,261 | 420,883 | 43,947 | 8,213,439 |
| Tambahan | 240,692 | 73,537 | - | 82,477 | 11,433 | 62,600 | - | - | 470,739 |
| Pelupusan | (167,688) | - | - | - | - | - | - | - | (167,688) |
| Pada 31 Disember | 3,039,304 | 501,908 | 817,777 | 1,225,801 | 1,423,009 | 1,043,861 | 420,883 | 43,947 | 8,516,490 |
| **Susutnilai terkumpul** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | 2,701,819 | 346,758 | 587,787 | 999,006 | 1,361,447 | 152,802 | 271,525 | 39,559 | 6,460,703 |
| Tambahan | 240,753 | 38,402 | 76,662 | 62,481 | 14,877 | 55,889 | 36,884 | 1,460 | 527,408 |
| Pelupusan | (167,687) | - | - | - | - | - | - | - | (167,687) |
| Pelarasan | - | - | - | - | (18,343) | - | - | - | (18,343) |
| Pada 31 Disember | 2,774,885 | 385,160 | 664,449 | 1,061,487 | 1,357,981 | 208,691 | 308,409 | 41,019 | 6,802,081 |
| **Nilai bawaan bersih** | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember | 264,419 | 116,748 | 153,328 | 164,314 | 65,028 | 835,170 | 112,474 | 2,928 | 1,714,409 |

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

| | Komputer RM | Perabot dan kelengkapan RM | Kenderaan RM | Alatan Pejabat RM | Buku-buku Rujukan RM | Ubahsuai RM | Papan Tanda RM | Alatan Sukan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Pada 31 Disember 2020** | | | | | | | | | |
| **Kos** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | 2,748,594 | 370,411 | 984,581 | 1,014,750 | 1,404,738 | 223,543 | 420,883 | 43,947 | 7,211,447 |
| Tambahan | 229,836 | 57,960 | - | 130,800 | 6,838 | 757,718 | - | - | 1,183,152 |
| Pelupusan | (12,130) | - | (166,804) | (2,226) | - | - | - | - | (181,160) |
| Pada 31 Disember | 2,966,300 | 428,371 | 817,777 | 1,143,324 | 1,411,576 | 981,261 | 420,883 | 43,947 | 8,213,439 |
| **Susutnilai terkumpul** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | 2,532,883 | 317,793 | 677,925 | 922,584 | 1,321,034 | 131,408 | 197,531 | 38,099 | 6,139,257 |
| Tambahan | 181,065 | 28,965 | 76,662 | 78,202 | 40,413 | 21,394 | 73,994 | 1,460 | 502,155 |
| Pelupusan | (12,129) | - | (166,800) | (1,780) | - | - | - | - | (180,709) |
| Pada 31 Disember | 2,701,819 | 346,758 | 587,787 | 999,006 | 1,361,447 | 152,802 | 271,525 | 39,559 | 6,460,703 |
| **Nilai bawaan bersih** | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember | 264,481 | 81,613 | 229,990 | 144,318 | 50,129 | 828,459 | 149,358 | 4,388 | 1,752,736 |

## 4. PENGHUTANG DAGANGAN DAN PENGHUTANG PELBAGAI

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Semasa** | | |
| ***Dagangan*** | | |
| Pihak ketiga | **370,264** | 271,115 |
| ***Penghutang pelbagai*** | | |
| Deposit | **18,000** | 18,000 |
| Hasil terakru | **130,532** | 114,766 |
| Pelbagai | **20,499** | 2,889 |
| | **169,031** | 135,655 |
| | **539,295** | 406,770 |

**(a) Penghutang dagangan**

Jumlah ini biasanya tidak dikenakan faedah selama 30 hari (2020: 30 hari). Tempoh kredit lain dinilai dan diluluskan berdasarkan kepada kes-kes tertentu.

**(b) Pelbagai Penghutang**

Baki ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar atas permintaan.

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Tunai di bank | **1,092,725** | 725,366 |
| Tunai di tangan | **5,000** | 5,000 |
| Deposit tetap berkonsepkan Syari'ah | **9,579,032** | 19,431,897 |
| | **10,676,757** | 20,162,263 |

Keuntungan efektif deposit yang diletakkan di dalam bank berlesen berkadar dari 1.70% ke 2.70% (2020: 1.45% ke 3.60%) setahun dan simpanan tetap ini mempunyai tempoh kematangan 1 hingga 3 bulan (2020: 1 hingga 3 bulan).

Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai di bank, di tangan dan deposit tetap berkonsepkan Syari'ah di mana risiko perubahan dalam nilai adalah rendah, dengan tempoh kematangan tiga bulan atau kurang, serta digunakan oleh Institut untuk menguruskan komitmen jangka pendek.

## 6. LAIN-LAIN PELABURAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Deposit tetap berkonsepkan Syari'ah | **22,202,875** | 9,067,373 |

Keuntungan efektif deposit yang diletakkan di dalam bank berlesen berkadar dari 2.10% ke 2.70% (2020: 2.60% ke 3.95%) setahun dan simpanan tetap ini mempunyai tempoh kematangan 12 bulan (2020: 12 bulan).

## 7. GERAN KERAJAAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | **20,757,256** | 19,063,799 |
| Terimaan geran pada tahun semasa | **10,491,199** | 9,991,145 |
| Pindahan ke Penyata Pendapatan Komprehensif | **(7,281,600)** | (8,297,688) |
| Baki pada 31 Disember | **23,966,855** | 20,757,256 |

Geran merangkumi seperti berikut:

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Baki geran perbelanjaan operasi dan modal (Belum digunakan) | **21,536,039** | 19,004,518 |
| Geran untuk perbelanjaan modal | **8,828,211** | 8,525,160 |
| Pelunasan terkumpul | **(6,431,044)** | (6,772,422) |
| Baki geran untuk perbelanjaan modal | **2,397,167** | 1,752,738 |
| Baki pada 31 Disember | **23,966,855** | 20,757,256 |

## 8. PEMIUTANG PELBAGAI

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Deposit | **12,186** | 9,186 |
| Peruntukan dan akruan | **275,854** | 228,498 |
| | **288,040** | 237,684 |

## 9. PENDAPATAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Perundingan, latihan dan yuran seminar diterima | **2,228,534** | 1,080,535 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

## 10. KOS LANGSUNG

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| KWSP, KWAP dan PERKESO | **459,473** | 369,956 |
| Honorarium | **198,780** | 102,550 |
| Belanja hospitaliti dan perjalanan | **68,586** | 151,580 |
| Yuran instrumen | **153,626** | 67,441 |
| Pelbagai | **124,408** | 148,715 |
| Gaji dan upah | **2,551,389** | 2,101,429 |
| | **3,556,262** | 2,941,671 |

## 11. PENDAPATAN OPERASI LAIN

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Pelunasan geran perbelanjaan operasi | **6,772,535** | 7,795,533 |
| Pelunasan geran perbelanjaan modal | **509,065** | 502,155 |
| Pameran | **-** | 15,019 |
| Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan | **270** | 30,250 |
| Hibah | **4,125** | 8,470 |
| Yuran keahlian diterima | **3,100** | 2,000 |
| Lain-lain | **1,103** | 1,294 |
| Pendapatan sewa | **21,209** | 27,805 |
| Jualan penerbitan buku | **-** | 6,660 |
| Keuntungan deposit tetap berkonsepkan syariah | **678,681** | 834,238 |
| **Jumlah pendapatan operasi lain** | **7,990,088** | 9,223,424 |

## 12. LEBIHAN DANA SEBELUM CUKAI

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Lebihan dana sebelum cukai (dinyatakan selepas dikenakan caj): | | |
| Yuran audit | **16,000** | 16,000 |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | **509,065** | 502,155 |
| Yuran guaman dan yuran profesional | **42,508** | 16,540 |
| Sewa peralatan (Nota a) | **44,940** | 41,645 |
| Kos kakitangan (Nota 13) | **3,089,229** | 4,312,850 |

Nota a:
Sewa peralatan dikecualikan daripada diiktiraf sebagai aset hak penggunaan di bawah para B3-B8 MFRS 16 kerana peralatan tersebut adalah pajakan jangka pendek dan aset bernilai rendah.

## 13. KOS KAKITANGAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Ganjaran cuti rehat | **62,831** | 249,083 |
| Elaun para pengarah | **161,500** | 115,500 |
| KWSP, KWAP dan PERKESO | **484,349** | 485,596 |
| Sumbangan kewangan | **170,500** | 79,000 |
| Gaji dan upah | **1,784,985** | 2,836,261 |
| Manfaat pekerja | **425,064** | 547,410 |
| | **3,089,229** | 4,312,850 |

## 14. CUKAI

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Anggaran cukai pendapatan | | |
| - tahun semasa | **198,731** | 209,990 |
| - terkurang peruntukan pada tahun sebelum | **(6,950)** | (7,147) |
| | **191,781** | 202,843 |

Pelarasan perbelanjaan cukai pendapatan untuk lebihan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun, dengan perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Lebihan sebelum cukai | **687,280** | 876,251 |
| Cukai dikira pada kadar berkanun 24% (2020: 24%) | **164,947** | 210,300 |
| Pendapatan yang dikecualikan cukai | **(1,917,356)** | (2,207,910) |
| Perbelanjaan tidak boleh ditolak daripada pengiraan cukai | **1,785,449** | 1,997,610 |
| Pendapatan lain yang dikenakan cukai | **165,691** | 209,990 |
| Terlebih peruntukan pada tahun sebelum | **(6,950)** | (7,147) |
| | **191,781** | 202,843 |

## 15. PEMBELIAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan yang menggunakan tunai dan kesetaraan tunai. | **470,739** | 1,183,152 |

## 16. MAKLUMAT PIHAK BERKAITAN

### (a) Ganjaran Kakitangan Pengurusan Penting

Ganjaran kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Elaun para pengarah | **161,500** | 115,500 |

Elaun para pengarah juga dinyatakan dalam Nota 13 kepada penyata kewangan.

### (b) Urusniaga Pihak Berkaitan

Tiada sebarang urusniaga pihak berkaitan sepanjang tahun kewangan.

## 17. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Institut terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen kewangan. Risiko kewangan tersebut termasuklah risiko kecairan dan risiko kredit.

Berikut adalah maklumat berkenaan pendedahan Institut kepada risiko kewangan yang dinyatakan di atas dan objektif, polisi dan proses pengurusan risiko tersebut.

### (a) Risiko kecairan

Institut telah mengurus aliran tunai operasi dan kemudahan dana bagi memastikan keperluan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan, Institut mengekalkan tahap yang mencukupi untuk tunai atau pelaburan tunai yang boleh ditukar bagi memenuhi keperluan modal kerja.

**Analisis instrumen kewangan dengan tempoh kematangan kontraktual**

Jadual di bawah menunjukkan analisis profil kematangan liabiliti kewangan Institut berdasarkan tuntutan pembayaran balik tidak didiskaunkan.

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Liabiliti kewangan tidak didiskaunkan** | | |
| Deposit | **12,186** | 9,186 |
| Peruntukan dan akruan | **275,854** | 228,498 |

## 17. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

### (b) Risiko kredit

Pendedahan Institut kepada risiko kredit terutamanya timbul daripada penghutang dagangan Institut hanya berniaga dengan pihak ketiga yang diiktiraf dan mempunyai kebolehpercayaan kredit yang baik. Ia adalah polisi Institut bahawa semua pelanggan yang ingin berniaga dengan syarat kredit tertakluk kepada prosedur pengesahan kredit. Di samping itu, baki hutang akan dipantau secara berterusan dengan keputusan bahawa pendedahan Institut kepada hutang lapuk adalah tidak ketara.

Risiko kredit Institut bagi lain-lain aset kewangan, yang terdiri daripada tunai dan kesetaraan tunai, berpunca daripada keingkaran daripada pihak berurusan, dan pendedahan maksima yang setara dengan nilai bawaan aset kewangan.

Institut tidak mempunyai sebarang pendedahan yang penting kepada mana-mana individu atau pihak berurusan dan tidak mempunyai sebarang tumpuan risiko kredit yang berkaitan dengan sebarang aset kewangan.

## 18. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN

Jumlah nilai bawaan aset dan liabiliti kewangan menghampiri nilai saksama adalah disebabkan oleh tempoh matang instrumen kewangan tersebut yang agak pendek.

## 19. PERISTIWA SUSULAN PENTING SELEPAS AKHIR TAHUN KEWANGAN

Kemunculan dan penyebaran coronavirus (COVID-19) pada awal tahun 2020 telah mempengaruhi aktiviti perniagaan dan ekonomi di Malaysia. Institut menganggap wabak ini sebagai peristiwa yang tidak dapat disesuaikan. Institut akan memantau perkembangan situasi COVID-19 dengan teliti, menilai dan bertindak balas secara aktif terhadap kesannya terhadap kedudukan kewangan dan hasil operasi Institut. Memandangkan sifat dinamik keadaan ini, kesan yang berkaitan dengan hasil operasi, aliran tunai dan keadaan kewangan Institut belum dapat dianggarkan secara wajar pada tahap ini.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**
**THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY**
Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Tel : 603-6209 2000
Fax : 603-6203 1005
E-mail : integriti@integriti.my

www.integriti.my integriti.my integritidotmy